



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES
DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session
KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6045]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6068]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas) —

Jadual —

Kepala B. 32 hingga B. 36 [Ruangan 6069]

Kepala B. 37 [Ruangan 6082]

Kepala B. 38 [Ruangan 6094]

Kepala B. 39 hingga B. 45 [Ruangan 6120]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas) —

Kepala P. 32, P. 35 dan P. 67 [Ruangan 6069]

Kepala P. 37 [Ruangan 6082]

Kepala P. 38 [Ruangan 6094]

Kepala P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 [Ruangan 6120]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HOH, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTTMAN, P.P.T. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- .. DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- .. TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- .. PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- .. TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- .. TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- .. TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).

.. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

.. TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

.. DR. CHEN MAN HIN (Seremban).

.. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

.. TUAN CHIENG TIONG KAI @ CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

.. TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

.. PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

.. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

.. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

.. TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

.. TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

.. DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

.. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

.. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).

.. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

.. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

.. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

.. DR. HEE TIEN LAI @ HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

.. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).

.. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

.. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

.. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

.. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

.. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

.. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

.. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

.. TUAN LIBEN ANAK KATO @ WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).

.. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

.. DR. LIM CHONG EU (Tanjong).

.. TUAN LIM KIAM HOON @ LIM AH YING (Padang Serai).

.. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

.. DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

.. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

.. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

.. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA @ HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE @ ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N., (Sungei Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG @ SIBUT MIYUT ANAK TAGONG
(Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA @ HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 9hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEMAJU PERUMAHAN

1. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah beliau sedar, pemaju-pemaju perumahan pada masa ini lebih banyak membina rumah-rumah harga tinggi yang tidak mampu dibeli oleh orang-orang yang berpendapatan rendah, untuk mendapat rumah-rumah harga murah yang dibina oleh Kerajaan adalah tidak mencukupi. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sememangnya sedar bahawa kebanyakan rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan bukan khususnya ditujukan kepada mereka di dalam golongan berpendapatan rendah, kerana mereka tidak dikehendaki oleh undang-undang dan tidak juga menjadi tanggungjawab mereka untuk membina rumah-rumah kos rendah (seperti yang tersebut di perenggan 1130 di dalam Rancangan Malaysia Ketiga). Namun demikian, melalui langkah-langkah yang tidak

langsung, Kerajaan menggalakkan mereka membina rumah-rumah harga rendah di dalam lingkungan harga \$15,000 dan jika lebih pun, tidak melebihi \$25,000 yang dijangka akan membantu rakyat golongan tersebut.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan tidak mencukupi, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan di peringkat Negeri dan Persekutuan, sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menambahkan lagi bilangan rumah-rumah kos rendah. Ini telah dibuktikan oleh peruntukan-peruntukan kian bertambah yang telah diminta di dalam setiap Rancangan 5 tahun dan telah diluluskan oleh Dewan ini dengan diketahui serta disokong penuh oleh Ahli Yang Berhormat. Walaupun Kementerian ini ada bercadang meminta peruntukan yang lebih besar daripada jumlah yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi langkah seperti itu perlu diselaraskan dengan pertimbangan terhadap keupayaan atau "capacity" agensi-agensi pembangunan yang ujud sekarang dan kemampuan negara keseluruhannya.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri samada soal harga rumah yang mahal ini selalu berkait dengan harga tanah kerana harga tanah itu mahal terpaksa rumah juga yang dibina itu sejajar dengan harga tanah. Oleh sebab itu, setakat manakah masalah ini dapat dielakkan sekiranya dapat diikhtiarkan pihak-pihak Kerajaan Negeri khususnya yang mempunyai

kuasa mengenai tanah mengadakan tanah-tanah yang murah sebagai tapak bagi membolehkan pemaju-pemaju itu membina rumah yang sesuai dengan harga tanah, kalau tanah itu murah dapatlah dibina rumah murah, kalau tanah itu mahal sebab itu barangkali terpaksa buat rumah yang mahal.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu rumah itu ialah dibuat di atas tanah. Tanah ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri kalau mengenai tanah State Land, dan di situ ada di dalam rancangan Kementerian saya mengadakan rumah harga murah sebagaimana saya berkali-kali menjawab dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai dengan tanah, yang pertama sekali tanah yang boleh jadi harga mahal terutama dalam kawasan itu ada pembangunan, oleh itu bila hendak jalankan rancangan perumahan ada orang mengeksploitasi dan sebagainya di atas masalah tanah. Yang keduanya, syarat tanah. Kalau syarat tanah itu tanah pertanian barangkali rendah harganya. Kalau syarat itu diubah dengan satu syarat tanah itu dijadikan tanah perumahan, ini adalah tanah yang dinaikkan atau ditinggikan harganya. Walau bagaimanapun, kalau di kawasan luar bandar harga tanah adalah lebih murah dibandingkan dengan harga tanah dalam bandar dan juga berkenaan dengan jauhnya dengan tempat-tempat perusahaan.

Mengenai dengan meminta kerjasama Kerajaan Negeri, memang Kementerian saya sentiasa berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencari jalan supaya mendirikan rumah murah yang boleh rakyat yang berpendapatan rendah mendapatinya.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pemaju-pemaju perumahan swasta tidak dipertanggungjawabkan atau diwajibkan mendirikan rumah-rumah kos rendah kerana tidak

ada undang-undang. Adakah beliau sedar bahawa agensi-agensi Kerajaan juga ada mendirikan rumah-rumah yang mahal. Kalau sedar, apakah tindakan terhadap agensi-agensi Kerajaan yang mendirikan rumah yang harga tinggi?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan agensi-agensi Kerajaan yang membuat rumah harga tinggi, sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bukan harga rumah yang tinggi, sebenarnya harga untuk hendak membuat infrastruktur dan develop tanah. Kadangkala ada tanah yang dibeli oleh Kerajaan itu tanah State Land maka tanah itu tanah paya (sawah) jadi harga tanah itu boleh jadi melambung tinggi. Dengan sebab harga tanah itu tinggi yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri maka turut jugalah satu-satu unit rumah itu lebih tinggi. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sekarang ini untuk hendak buat satu projek perumahan terpaksa hendak menentukan tempat tapak tanah begini banyak dalam negara kita supaya dapat tapak-tapak yang sesuai supaya harga rumah itu sesuai pula.

Mengenai dengan pemaju-pemaju perumahan, memang sebagaimana saya katakan tadi tidak ada undang-undang. Walau bagaimanapun, sebagaimana saya sebutkan dalam Perenggan 1130 dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebuah Jawatankuasa Perunding Sektor Swasta mengenai perumahan dan pembinaan telah wujud dan bersama-sama dengan sektor awam. Oleh itu, dalam hal ini memang kita rundingkan dan kita cari jalan supaya orang yang berpendapatan rendah dapat juga memiliki rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa tanah ini adalah masalah negeri, ini semua kita tahu mengikut Perlembagaan. Tadi Timbalan Menteri ada juga mengatakan usaha-usaha sedang

dijalankan di antara pihak Kementeriannya dengan pihak negeri supaya mendapat tanah yang sesuai dan murah. Saya ingin bertanya setakat beberapa tahun kebelakangan ini apakah tindakan yang paling positif yang diambil oleh Kementerian untuk mendapat tanah murah supaya harga rumah ini murah. Misalnya, adakah cadangan daripada Kementerian ini untuk mengazette sesuatu kawasan tanah di dalam sesuatu kawasan dan harganya tertakluk kepada peraturan undang-undang yang akan dibuat ataupun yang ada sekarang? Apakah tindakan yang positif yang sebenarnya semenjak beberapa tahun kebelakangan ini?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, tindakan positif yang telah diambil, jawabnya ada. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pemaju-pemaju Perumahan telahpun mengambil satu tanah di kawasan di Batu 3½, harga rumah yang didirikan di situ tidak melebihi \$8,000 pada satu unit dan telah didirikan 676 unit dan 12 buah kedai. Inilah satu langkah dan dijadikan satu pilot projek dan Insya Allah pada masa yang akan datang tempat-tempat yang lain juga akan dilaksanakan seperti yang saya telah sebutkan tadi.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pihak Kementerian tidak ada memper-untukkan undang-undang bagi swasta-swasta dan pemaju-pemaju perumahan menyediakan rumah murah. Adakah Timbalan Menteri itu sedar bahawa rakyat negara kita kebanyakannya mereka miskin yang tidak mampu membeli rumah mahal itu? Adakah Timbalan Menteri bercadang untuk mengadakan satu undang-undang yang menentukan supaya mereka membuat rumah-rumah yang murah?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu telah beberapa kali dijawab di dalam Dewan ini iaitu undang-undang tidak dapat dibuat. Dalam segi perniagaan dinamakan

laissez faire atau perniagaan secara bebas. Kalau kita membuat undang-undang boleh jadi pemaju-pemaju perumahan ini tidak mahu mengambil bahagian dalam perusahaan perumahan dan pergi kepada perniagaan-perniagaan yang lain. Walau macam manapun, sekarang tidak diketatkan undang-undang itu, pemaju perumahan dan pihak-pihak orang ramai memang Kementerian saya memberi keutamaan kepada lesen dan advertisement permit kepada mereka itu membuat rumah-rumah yang harga murah.

Tuan Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ada pilot project di Batu 3½, Jalan Klang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di samping itu pilot project adakah dijalankan di lain-lain negeri di seluruh Malaysia?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu saya memerlukan notis.

LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

2. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada pengangkutan massa yang deras sedang dirancang untuk mengatasi kesesakan lalulintas yang kian bertambah buruk di Kuala Lumpur dan juga bagi menyediakan pengangkutan yang deras dan selamat untuk pengguna yang telah menderita beberapa lama ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat masaalah kesesakan lalulintas khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur adalah satu daripada bidang-bidang yang mendapat perhatian teliti daripada pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun belum ada rancangan untuk mengadakan

mass rapid transport pada masa ini. Berhubung dengan masalah ini Kerajaan telah memperolehi pendapat-pendapat pakar perundingan dan telah membuat keputusan iaitu jalan ke luar untuk mengurangkan kesesakan di jalanraya ialah meninggikan serta memperkemaskan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam yang disertai pula dengan tindakan-tindakan tertentu berbentuk 'physical' dan 'institutional'.

Apa yang saya maksudkan dengan 'physical' ialah seperti membina dan memperbaiki jalan-jalanraya serta mengadakan jambat-jambatan yang baharu manakala yang berbentuk 'institutional' pula ialah mengujudkan 'bus lanes', 'bus only street', mengubahsuai perjalanan bas yang ada sekarang dan tidak lama lagi akan diadakan pula Kawasan Pelesenan di Pusat Bandaraya.

Oleh kerana pelancaran projek-projek ini mengambil masa yang agak panjang juga mungkin masa ini tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan belum dirasai dengan sepenuhnya oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, Kerajaan yakin dan percaya selepas projek-projek tersebut siap kelak maka masalah kesesakan di jalanraya dapat dikurangkan dan pihak 'travelling commuters' tidak akan lagi menempuh kerumitan seperti yang dihadapi sekarang.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Menteri yang berkenaan baru-baru ini yang mencadangkan supaya pihak swasta dijemput membuat jalan-jalan dan diberi kebenaran mengutip tol dan sebagainya, adakah dalam rancangan Kerajaan akan menerima atau menimbangkan penyertaan pihak swasta untuk mengujudkan, mengadakan mass rapid transport system seperti monorail untuk Bandaraya ini dan sekelilingnya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini kita belum ada

menimbangkan perkara ini, tetapi kalau difikirkan perlu kita akan pertimbangkan nanti.

KONSESI PERDAGANGAN EKSPOT AUSTRALIA

3. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada terdapat sebarang kemajuan dalam mendapatkan konsesi perdagangan yang lebih baik bagi hasil-hasil eksport kita ke Australia melalui rundingan perdagangan multi-lateral di Geneva semasa beberapa bulan yang lalu; dan juga nyatakan samada terdapat tambahan dalam barang-barang eksport kita ke Australia selepas beberapa rundingan dengan Australia melalui ASEAN.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Australia telah melaksanakan konsesinya melalui kumpulan keluaran tropika dalam rundingan perdagangan banyak hala pada 1hb Januari, 1977. Walau bagaimanapun, tawaran-tawaran tersebut didapati kurang memuaskan, kerana keluaran-keluaran eksport utama Malaysia seperti palm oil kernel, udang beku, keluaran-keluaran getah, keluaran kayu-kayan dan kasut telah tidak dipertimbangkan oleh Australia. Australia juga telah tidak memberi layanan kepada permintaan Malaysia terhadap kelonggaran atau penghapusan halangan-halangan bukan tariff yang dihadapi oleh eksport Malaysia seperti tanda perdagangan, keperluan piawaian, syarat-syarat kesihatan dan kebersihan, sekatan quantitative dan syarat-syarat impot. Semenjak itu tidak ada sebarang kemajuan terhadap tawaran-tawaran yang diberi oleh Australia. Walau bagaimanapun, Malaysia berserta dengan negara-negara sedang membangun yang lain akan terus mengadakan rundingan dengan Australia melalui rundingan perdagangan banyak hala untuk mendapatkan konsesi yang lebih baik. Walaupun beberapa rundingan dengan Australia telah diadakan melalui ASEAN, tetapi eksport negara kita ke

Australia tidak bertambah. Ini adalah kerana Kerajaan Australia telah mengambil beberapa langkah untuk menyekat kemasukan beberapa jenis keluaran eksport Malaysia ke Australia. Sungguhpun begitu Malaysia melalui ASEAN akan terus mengadakan rundingan-rundingan dengan Australia bagi mendapat kelonggaran ke atas sekatan-sekatan tersebut yang melibatkan eksport eksport utama Negara-negara ASEAN ke Australia. Untuk makluman Yang Berhormat kita memandang berat terhadap sikap yang diambil oleh Australia ke atas perdagangan dua hala di antara negara kita dengan Australia dan kita akan terus berusaha untuk memperbaiki hubungan perdagangan dua hala ini untuk kepentingan bersama, tetapi kita akan tidak teragak-agak mengambil sebarang langkah yang sesuai terhadap perkara ini jika dirasakan perlu untuk menjaga kepentingan negara.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sangat tegas daripada Timbalan Menteri itu sangat menggalakkan berkenaan dengan perhubungan antara kita dengan Australia di lapangan perdagangan ini. Saya suka bertanya samada berkait dengan soalan itu apa yang kita dapat baca dalam suratkhbar tentang gagalnya perundingan yang telah diadakan baru-baru ini untuk mengubahsuaikan secara kontrek berkenaan dengan gula mentah yang dibekalkan oleh Australia itu juga nampaknya selari seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi. Pada anggapan orang ramai dalam negeri ini yang mahu bersahabat dengan Australia berasa dukacita yang sikap Australia terhadap Malaysia tidak saksama dan berlainan pula daripada layanan yang diberi kepada Negeri Jepun yang telah menghadapi masalah yang sama samada perkara ini akan kita bangkitkan kesedaran kepada umat Australia yang juga saya percaya mahu berbaik dengan kita supaya sikap Kerajaan Australia dalam perhubungan perniagaan kita itu sama jugalah sepatutnya seperti yang dilayan kepada Negeri Jepun dan lain-lain.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu memberi pandangan. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan dan sokongan beliau dalam masaalah yang kita hadapi dengan Australia itu. Sebagaimana saya katakan tadi memanglah harapan kita agar keadaan perdagangan kita dengan Australia akan terus dapat kita baiki dan usaha-usaha ke arah itu akan kita perhebatkan lagi. Tetapi seperti saya katakan tadi kalau sekiranya didapati keadaan itu tidak juga baik, maka kita akan mengambil langkah tertentu bagi menjaga kepentingan negara.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH SARAWAK

4. **Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau bercadang hendak membuka rancangan tanah di bawah tabdiran Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak atau lain-lain ajensi Kerajaan di Sarawak untuk tanaman kacang soya secara besar-besaran. Jika ya, bila dan jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada apa-apa rancangan samada oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak atau lain-lain badan untuk menanam kacang soya secara besar-besaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kacang soya adalah 1 jenis tanaman yang sukar ditanam di Malaysia secara besar-besaran. Kajian yang halus dan mendalam perlu dijalankan untuk menentukan keadaan kesesuaian tanah, keadaan taburan hujan serta kajian terhadap kesesuaian jenis-jenis kacang soya yang boleh ditanam di satu-satu kawasan sebelum apa-apa rancangan secara besar-besaran dijalankan.

Tuan Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan selain daripada tanaman kelapa

sawit dan getah adakah cadangan Kementerian ini untuk menanam jenis-jenis tanaman yang lain secara besar-besaran selain daripada kacang soya di Negeri Sarawak.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak menanam koko dengan secara besar-besaran di Bahagian Keempat.

SYARIKAT SRI SERDANG SDN. BHD.

5. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar sebuah syarikat pemaju perumahan persendirian bernama Sri Serdang Sdn. Bhd. sekarang sedang meratakan sebidang tanah Kerajaan di Sri Serdang di mana pokok-pokok buahan dan kolam-kolam ikan kepunyaan penduduk-penduduk miskin di kampung tersebut dimusnahkan dan nyatakan tindakan yang Kerajaan telah ambil untuk menahan pemaju ini yang tidak bertanggungjawab itu dari memusnahkan lagi harta rakyat yang telahpun membuat aduan kepada pihak polis.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sedang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk rancangan rumah murah secara usahasama di antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Sri Serdang Sendirian Berhad.

Tanah tersebut seluas kira-kira 280 ekar adalah dahulunya tanah perlombongan. Pihak Syarikat bercadang hendak membina sebanyak 2,800 yunit rumah dalam lingkungan harga \$16,000 hingga \$25,000 seyunit. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada awal tahun depan.

Penduduk-penduduk di kawasan tersebut adalah sebenarnya setinggan-setinggan dan bilangan keluarga yang terlibat hanyalah 9 keluarga sahaja. Keluarga-keluarga ini telahpun dipindahkan ke tanah kosong

Kerajaan yang berhampiran. Mereka telah juga diberi ganti rugi sebanyak \$400/- se-keluarga dan \$15 sepokok bagi pokok-pokok buahan. Hanya satu keluarga sahaja yang benar-benar bergantungkan hidupnya sebagai petani dan yang lain-lainnya pertanian hanya merupakan kerja-kerja sampingan sahaja.

PAMPASAN MAHKAMAH

6. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa pampasan Mahkamah sebanyak \$3,000 untuk kematian adalah tidak cukup. Jika benar, adakah beliau akan memperkenalkan undang-undang untuk menambah pampasan Mahkamah pada masa hadapan.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Ya. Suatu undang-undang akan dikemukakan untuk menambah pampasan kematian, tetapi hanya berkenaan dengan kanak-kanak atau orang-orang yang teramat muda. Bagi orang-orang dewasa Mahkamah kita telah mengawardkan \$3,500. Pada menetapkan gantirugi kerana kehilangan jangkaan hidup sebanyak \$3,000 hingga \$3,500, Mahkamah kita telah menimbangkan segala faktor yang berkaitan. Bagi diri saya sendiri, saya tiada mempunyai apa-apa sebab untuk tidak bersetuju dengan keputusan Mahkamah-mahkamah kita mengenai perkara ini. Saya berpuashati bahawa jumlah wang yang diawardkan itu adalah saksama dan berpatutan. Tambahan pula Akta Undang-undang Sivil No. 67 mengadakan peruntukan bagi pembayaran pampasan mengenai apa-apa kerugian lain misalnya kerugian wang termasuk belanja pengkebumian yang ditanggung oleh orang-orang tanggungan simati. Oleh yang demikian soal mengadakan undang-undang khas untuk meninggikan pampasan kerana kehilangan jangkaan hidup tidak timbul. Mungkin Tuan Yang di-Pertua, sekim insuran tanpa menentukan kesalahan (no-fault insurance) apabila diadakan dalam

negara kita akan membantu menyelesaikan masalah yang ada ini.

KES-KES SIVIL

7. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan kes-kes Awam yang masih belum diselesaikan oleh Mahkamah Tinggi Sarawak dari tahun 1973 hingga 1976.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes-kes sivil yang belum diselesaikan di Mahkamah Tinggi Sarawak dalam tahun 1973 hingga 1976 adalah seperti berikut:—

Tahun	Bil. Kes yang di-daftarkan	Bil. Kes yang telah diselesaikan	Bil. Kes yang belum diselesaikan (pending for trial)
1973	415	333	54
1974	409	288	95
1975	508	355	125
1976	713	477	117

FILEM MESIR DI TV

8. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian tersebut akan menayangkan filem-filem Mesir di T.V. Malaysia seperti yang pernah ditayangkan dahulu pada tiap-tiap malam Jumaat. Jika ya, bilakah rancangan tersebut dapat ditayangkan.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Untuk menjelaskan soalan Yang Berhormat ini, memanglah menjadi tujuan T.V. Malaysia untuk menayangkan filem-filem Mesir pada

tiap-tiap malam Jumaat; sekiranya kita mendapat filem-filem Mesir yang bermutu dengan secukupnya. Urusan-urusan sedang diusahakan bagi mendapatkan filem-filem tersebut. Buat masa ini TV Malaysia belum lagi menerima filem-filem Mesir yang sesuai dengan secukupnya bagi ditayangkan.

SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGEI SELUANG

9. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini bercadang menggantikan bangunan lama Sekolah Kebangsaan Sungei Seluang, Lunas, Kedah yang telah uzur dengan sebuah bangunan tambahan yang baru dengan lebih segera memandangkan keperluannya yang mendesak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Pelajaran. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk mengganti semua sekolah-sekolah yang uzur yang ada di negara kita. Walau bagaimanapun tugas ini akan dijalankan berperingkat-peringkat mengikut keadaan dan kemampuan.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, SARAWAK

10. Tuan Sibut Miyut anak Tagong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah rancangan untuk menghantar pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran untuk pergi ke rumah-rumah panjang yang di hulu-hulu sungai di seluruh bahagian dalam Sarawak untuk menjalankan tugas-tugas aspek pendaftaran penduduk misalnya mengenai Kad-kad Pengenalan serta Surat Kelahiran dan lain-lain oleh kerana penduduk-penduduk tersebut tidak mampu untuk datang sendiri ke bandar.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Pejabat-pejabat Wakil Pendaftaran telahpun ditubuhkan di merata-rata daerah bukan sahaja di Negeri Sarawak bahkan di seluruh Malaysia untuk menjalankan urusan-urusan pendaftaran seperti Kad Pengenalan, Sijil Kewarganegaraan dan Sijil Beranak untuk memberi kemudahan kepada rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk kepentingan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman dan hulu-hulu sungai termasuk di rumah-rumah panjang, kaki-tangan-kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara dari masa ke semasa membuat lawatan untuk tujuan-tujuan tersebut itu.

GREDE GETAH

11. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa di setengah-setengah bandar saudagar-saudagar getah menjeniskan semua gred getah daripada pasar-pasar kecil sebagai gred 5 walaupun getah itu dengan jelas dan nyata tergolong kepada gred 2. Jika beliau tidak sedar, maka bolehkah Kementeriannya menjalankan penyiasatan terhadap perkara ini terutama sekali di Sibul.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Yang Berhormat sedia maklum, penentuan tiap-tiap jenis dan gred getah konvensional adalah dilakukan dengan cara 'visual grading' iaitu dengan pandangan mata kasar sahaja. Oleh yang demikian, perbezaan gred seperti yang dinyatakan agak sukar ditepatkan. Oleh yang demikian, adalah mustahak penjual- penjual daripada pasar-pasar kecil dapat mengetahui jenis-jenis dan gred-gred getah yang dijualkan itu supaya mengelakkan perlakuan yang tidak munasabah.

Dalam hal ini, di Semenanjung Malaysia di mana Peraturan-peraturan (Pelesenan dan

Pengawasan) Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah, 1974 dikuatkuasakan akan dipinda bagi mengadakan satu peruntukan yang akan memerlukan semua peniaga-peniaga memamerkan harga getah mengikut gred-grednya dalam papan tanda di premis-premis peniaga tersebut. Pegawai-pegawai daripada Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah akan juga membuat 'spot check' supaya peraturan ini dilaksanakan dengan berkesan. Dengan yang demikian melalui langkah-langkah ini diharapkan harga yang berpatutan diberikan mengikut gred-gred getah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia 1972 dan juga Peraturan-peraturan (Pelesenan dan Pengawasan) Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1974 belum dikuatkuasakan di Sabah dan Sarawak. Dengan yang demikian, sehingga satu masa penerimaan undang-undang ini oleh kedua-dua negeri tersebut, maka Lembaga tersebut tiada kuasa untuk menjalankan pengawasan atau penyiasatan sebagaimana dicadangkan oleh Yang Berhormat.

PEMASARAN PADI

12. Tuan Shamsuddin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau bercadang hendak menyediakan peruntukan-peruntukan yang lain untuk menambahkan pendapatan petani-petani setelah harga padi tidak upaya lagi dinaikkan seperti:

- (a) menyediakan pengangkutan ketika petani-petani menjual padi mereka;
- (b) membekalkan alat pertanian seperti guni dan lain-lain dengan harga kawalan; dan
- (c) memperbaiki sistem menguji padi supaya penilaian mutu betul-betul benar.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Abdul Manan bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perusahaan Awam tidak bercadang untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi menyediakan pengangkutan untuk pemasaran padi para petani kerana kemudahan-kemudahan pengangkutan boleh diselenggarakan melalui koperasi-koperasi peladang pada masa ini.
- (b) Sekim subsidi bagi setengah-setengah alat pertanian sudahpun dijalankan oleh Kerajaan. Lembaga Padi dan Beras Negara ada menyediakan guni bagi kegunaan petani untuk menjual kepada LPN. Sungguhpun begitu, dukacita ada petani yang menggunakan guni LPN tetapi menjual padi mereka kepada pihak swasta.
- (c) Sistem menguji padi yang diamalkan oleh LPN sekarang adalah memuaskan. Jikalau ada keraguan di pihak petani yang menjual padi, pihak LPN sentiasa bersedia membuat ujian wap basah dengan menggunakan meter.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Pegawai-pegawai LPN sentiasa memberi penerangan kepada petani-petani cara-cara LPN menguji padi supaya petani-petani lebih faham bagaimana LPN membeli padi terutama sekali dalam musim hujan. Di-harapkan dengan cara ini para petani sendiri akan dapat mengetahui dan mengelak daripada percubaan penipuan semasa mereka menjual padi.

PEKERJA SAINS PERINGKAT DIPLOMA

13. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah langkah baru yang akan diambil bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja-pekerja di bidang sains di peringkat Diploma, memandangkan keperluan Negara kita pada

1980 adalah sebanyak 28856 orang, apabila yayasan-yayasan kita hanya boleh mengeluarkan 18036 pekerja sains; dan

- (b) sejauh manakah kekurangan pekerja-pekerja sains begitu serius ini akan mempengaruhi (affect) kejayaan RMT.

Setiausaha Parlimen Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Angka yang Yang Berhormat berikan di dalam soalan ini tidak tepat kerana mengikut Buku Rancangan Malaysia Ketiga halaman 182 angka yang diberi oleh Yang Berhormat ini termasuk juga lulusan di dalam bidang sastera dan kemanusiaan dan bidang perniagaan, serta bidang teknikal padahal apa Yang Berhormat tanyakan ialah pekerja sains di peringkat Diploma. Dari itu angka yang sebenarnya ialah keperluan negara sebanyak 9474 dan pengeluaran dari Institusi Pengajian Tinggi hanyalah 6337.

Angka pelunjuran yang diberikan di dalam Buku RMT hanya memperhitungkan lulusan-lulusan dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi tempatan sahaja. Angka itu tidak termasuk lulusan-lulusan yang akan pulang dari Institusi Pengajian Tinggi dari luar negeri.

- (b) Berasaskan angka sebenar, perbezaan yang terdapat di antara permintaan dan pengeluaran bagi pekerja-pekerja sains di peringkat Diploma ialah 3137. Jumlah ini tidak memperhitungkan lulusan dari luar negeri yang akan pulang ke tanah air. Berjaya atau tidaknya RMT ini bukan sahaja bergantung pada kekurangan pekerja-pekerja di atas sahaja, tetapi banyak faktor-faktor lain yang akan menentukan kejayaannya seperti kecekapan jentera pentadbiran negara dan sebagainya.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

14. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk memulakan sekim rumah-rumah harga murah di Sarawak.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap Ahli Yang Berhormat memaksudkan perumahan awam kos rendah apabila beliau sebutkan rumah-rumah harga murah itu. Sebenarnya projek-projek perumahan awam kos rendah telahpun dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan di Sarawak sebagaimana di negara lain juga. Projek-projek dalam pembinaan sekarang ialah seperti berikut:

(i) Rumah Rakyat Jalan Astana, Kuching	— 548 yunit
(ii) Rumah Rakyat Piassau, Miri I	— 426 yunit
(iii) Belaga	— 21 yunit
Jumlah:	<u>995 yunit</u>

BANDAR TAIPING

15. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar ada bandar yang ditadbir oleh Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan menghadapi kesulitan kewangan untuk mentadbirnya, jika sedar:

- benarkah bandar Taiping tidak dapat menjalankan projek-projeknya sebab tidak ada wang kerana ada pihak-pihak tertentu yang masih terhutang kepadanya; jika ada, siapakah pihak-pihak tertentu tersebut dan berapakah hutang mereka; dan
- apakah rancangan beliau bagi mengatasi supaya projek-projek yang telah disediakan oleh Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Taiping dapat dilaksanakan.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa ada beberapa bandar yang ditadbirkan oleh Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan yang menghadapi kesulitan kewangan. Bahkan boleh dikatakan hampir-hampir semua bandar mengalami kedudukan wang yang sempit pada masa ini. Keadaan begini berlaku oleh kerana beberapa faktor, di antara yang pentingnya ialah perkembangan pesat bandar-bandar itu dalam tempoh 15 tahun yang lepas disertai pula oleh kemajuan negara di dalam lapangan perindustrian di mana penduduk-penduduk luar bandar telah ramai berhijrah ke bandar-bandar untuk mendapatkan kerja-kerja dan menikmati kehidupan yang bertaraf tinggi serta mendapatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalanraya yang baik, air paip, lampu-lampu jalan, kemudahan-kemudahan persekolahan sehingga ketingkat Universiti, kemudahan-kemudahan rawatan perubatan dan sebagainya. Dengan perkembangan yang pesat ini maka Penguasa-penguasa Tempatan tidak berupaya hendak membiayai perbelanjaan untuk memberi kemudahan-kemudahan yang semakin sehari makin bertambah seimbang dengan penambahan bilangan penduduk.

Berkenaan dengan Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Taiping saya telah difahamkan bahawa sememangnya pada masa ini kedudukan kewangan Penguasa Tempatan itu tidaklah berapa teguh disebabkan oleh faktor-faktor yang saya sebutkan tadi. Tambahan pula tiap-tiap Penguasa Tempatan termasuk Taiping sekali telah mengalami kesulitan ini oleh kerana membayar tunggakan-tunggakan gaji di bawah sekim gaji Harun dan juga sekim gaji Jemaah Menteri.

Saya juga difahamkan bahawa 2 punca hasil Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Taiping yang besar yang tidak dapat dikutip — satu daripadanya adalah daripada Kerajaan Pusat berkenaan dengan sumbangan Kerajaan Pusat kepada Penguasa Tempatan sebagai bantuan cukai taksir ke atas

bangunan-bangunan dan harta-harta Kerajaan Persekutuan di bawah Fasal 176 Perlembagaan Persekutuan. Walaupun demikian, perkara ini telah dibereskan baru-baru ini dan saya percaya dalam sedikit-sedikit masa lagi Lembaga Pengurus ini akan menerima sumbangan Kerajaan Pusat itu.

Satu pihak lagi yang berhutang ialah Keretapi Tanah Melayu. Perkara ini adalah berbangkit kerana nilai harta-harta Keretapi Tanah Melayu di dalam kawasan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Taiping tidak dapat dipersetujui oleh kedua belah pihak. Walaupun demikian pihak Keretapi Tanah Melayu telah membayar sebanyak \$20,000 sebagai bayaran permulaan dan saya jangka persetujuan berkenaan dengan nilai harta-harta itu dapat dicapai dalam sedikit masa lagi dan selepas itu keretapi akan dapat membuat pembayaran.

Untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dirasakan oleh semua Penguasa Tempatan pada hari ini maka Kerajaan Pusat telah mengadakan satu dasar semenjak tahun 1973 supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menyusun semula Penguasa-penguasa Tempatan dan menjadikan tempat-tempat Penguasa Tempatan itu satu badan yang boleh mendatangkan keuntungan mengandungi kawasan yang besar, bilangan penduduk yang ramai dan harta-harta yang berharga serta mengambil pegawai-pegawai yang terlatih untuk mengendalikan pentadbirannya.

Sementara itu Kerajaan Pusat telah juga memberi bantuan seperti mengecualikan Penguasa-penguasa Tempatan daripada cukai kastam dan eksais barang-barang tertentu seperti jentera, loji, lori-lori dan sebagainya. Begitu juga Kerajaan baru-baru ini telah menghapuskan cukai pelajaran dan memberi bantuan-bantuan untuk projek-projek yang berbagai-bagai jenis. Selain daripada itu Kementerian telah menerima laporan yang dikemukakan oleh satu Jawatankuasa Kewangan yang dilantik oleh Jemaah Menteri untuk mengkaji masalah pembahagian

hasil-hasil negara kepada Penguasa-penguasa Tempatan dan dalam tempoh 2-3 minggu ini Yang Berhormat Menteri saya akan kemukakan kepada Jemaah Menteri perakuan-perakuan Jawatankuasa tersebut. Saya percaya Jemaah Menteri akan bersetuju dengan perakuan-perakuan itu di mana banyak lagi bantuan kewangan akan diberi kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Jadi dengan penyusunan semula Penguasa Tempatan yang akan mendapat hasil-hasil yang lebih samada dari punca-punca yang baharu atau menaikkan hasil-hasil punca yang ada berserta dengan bantuan Kerajaan Pusat dan juga dengan latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan tempatan maka dalam tempoh 3 atau 4 tahun ini kedudukan kebanyakan Penguasa Tempatan dalam perkara ini akan bertambah maju membolehkannya memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan masing-masing.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan khasnya Bandar Taiping yang ditadbirkan di bawah Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan kekurangan wang dan menyebabkan keadaan pentadbirannya tidak selaras sepertimana yang dikehendaki di atas perkembangan bandar ini dalam tempoh 15 tahun. Selain daripada perbelanjaan yang begitu banyak yang telah dikeluarkan oleh Lembaga ini, satu daripadanya ialah cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan yang banyak itu yang terpaksa dikeluarkan banyak pula pada tiap-tiap tahun. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar di atas hal ini. Jika sedar, adakah cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan yang dimiliki oleh Lembaga ini tidak dikenakan pada masa hadapan.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, yang mana saya difahamkan ada rundingan di antara Kementerian saya dan juga Perbendaharaan untuk mengatasi perkara ini tetapi keputusan belum dicapai. Walau bagaimanapun, saya boleh menyasat di atas

perkara ini dan apabila keputusan dicapai Ahli Yang Berhormat itu bolehlah diberitahu.

Tuan Hashim bin Ghazali: Berkenaan dengan Bandar Taiping juga, Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini saya harap dapat diterima atau dapat dikecualikan daripada cukai jalan dan pada tahun ini, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Taiping ini telah terlalu banyak sangat kekurangan wang dan menyebabkan Lembaga ini bercadang hendak memungut cukai tanah dengan cara yang lebih berganda-ganda dan menyebabkan penduduk-penduduk yang terlibat di kawasan Bandaran Taiping ini telah gelisah pada masa ini. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah dimaklumkan di atas rancangan yang disusun oleh Lembaga ini, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak menimbangkan semula di atas permintaan penduduk-penduduk yang berkenaan supaya cukai-cukai yang akan dicadangkan dinaikkan ini ditangguhkan dahulu.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cukai-cukai yang dikenakan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Taiping ialah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri tetapi jika Kementerian kita menerima sungutan-sungutan atau rayuan-rayuan kita bolehlah merujuk rayuan-rayuan ini untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

PERBADANAN KEMAJUAN GETAH MALAYSIA (MARDEC)

16. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa RISDA telah mengambil langkah untuk rancangan yang dinamakan rancangan anak angkat kepada pekebun-pekebun kecil, mengapakah MARDEC tidak mengadakan rancangan yang serupa itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang

di-Pertua, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) tidak dapat mengadakan rancangan anak angkat seperti yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA) oleh sebab objektif-objektif MARDEC adalah berlainan dari objektif-objektif RISDA. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum objektif utama penubuhan MARDEC adalah untuk mengadakan kemudahan pemasaran bagi getah pekebun-pekebun kecil. Untuk mencapai matlamat ini, MARDEC membeli dan memproses getah pekebun-pekebun kecil untuk diekspot dalam bentuk Standard Malaysian Rubber (SMR) dan dengan demikian menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil dengan memberi harga yang tinggi kepada pengeluaran mereka. Oleh itu, MARDEC tidaklah terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pekebun-pekebun kecil keseluruhannya.

KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG

17. Tuan Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada sedar kekurangan bekalan bahan makanan dan kenaikan harga barang telah menjadi-jadi di luar bandar. Jika sedar apakah tindakan yang telah dibuat.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa kekurangan bekalan bahan-bahan makanan dan kenaikan harga barang-barang tersebut begitu menjadi-jadi di luar bandar. Namun demikian saya akui terdapat kekurangan bekalan-bekalan bahan tertentu pada ketika- ketika yang tertentu di beberapa tempat disebabkan oleh supply and demand. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat ini mempunyai maklumat-maklumat tertentu mengenai perkara ini, sukacita sekiranya Yang Berhormat itu dapat memberitahu Kementerian ini supaya penyiasatan dan tindakan sewajarnya dapat diambil dengan segera. Mengenai langkah-langkah

mengatasi kekurangan bekalan kenaikan harga barang-barang seperti yang ada berlaku, tindakan sesuai telahpun diambil oleh Kementerian ini sebagaimana jawapan-jawapan yang telah diberi kepada soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Matang pada 2.11.77 di dalam Dewan yang mulia ini.

SIJIL KERAKYATAN MALAYSIA

18. Datuk Loh Fook Yen minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar beberapa ribu orang keturunan Cina menghadapi kesukasan kerana mereka telah memohon sijil kerakyatan Malaysia dan menunggu beberapa tahun supaya mendapat jawapan dari Kerajaan berkenaan dengan permohonan mereka. Apa tindakan-tindakan sedang diambil supaya mencepatkan proses memberi sijil kerakyatan itu kepada mereka.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak bersetuju pada pendapat Yang Berhormat itu iaitu berapa ribu orang keturunan Cina menghadapi kesukasan kerana mereka telah memohon Sijil Kerakyatan Malaysia dan menunggu beberapa tahun untuk mendapatkan keputusan daripada Kerajaan. Pada hakikatnya kesukasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah dialami juga oleh semua kaum yang lain yang menjadi penduduk tetap. Pertimbangan satu-satu permohonan kerakyatan memerlukan kajian yang teliti dan mendalam bukan sahaja dari segi butir-butir dan dokumen-dokumen yang dikemukakan untuk si pemohon tetapi juga latarbelakang pemohon yang Kementerian kehendaki sebelum satu-satu permohonan itu dapat dipertimbangkan.

Kerajaan tidak berniat hendak melambatkan proses menimbang pemohon-pemohon kerakyatan. Seringkali berlaku kelewatan ini disebabkan oleh pemohon-pemohon itu sendiri tidak melengkapkan borang permohonan mereka dengan sempurna. Ramai di antara mereka lewat memberi keterangan-keterangan lanjut yang diminta oleh Jabatan yang berkenaan dan ada kalanya kebanyakannya pula mereka tidak

menjawab langsung surat-surat yang kita minta memberi jawapan.

BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN

19. Tuan Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan "State and Federal Minor Scholarships" yang telah diberikan sejak 1975, 1976 dan 1977 kepada penuntut-penuntut.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Biasiswa Kecil Persekutuan yang telah diberi adalah seperti berikut:

- (a) 1975 ialah 23,074 penuntut-penuntut
- (b) 1976 ialah 23,739 penuntut-penuntut
- (c) 1977 ialah 23,039 penuntut-penuntut

Biasiswa Kecil Negeri (State Scholarship) adalah dalam pentadbiran Setiausaha-setiausaha Negeri dan bukan dalam pentadbiran Kementerian Pelajaran.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminta Akta Insuran, 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang

Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (8hb Disember, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Kepala B. 32 hingga B. 36 —
Kepala P. 32, P. 35 dan P. 67 —*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan akan disambung semula atas Kepala B. 32 hingga B. 36 dan Kepala P. 32, P. 35 dan P. 67. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

3.24 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 32, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (3) Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman, muka surat 239.

Tuan Pengerusi, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dan menjalankan rancangan pembangunannya mengikut program yang teratur dan tersusun. Kita telah menempuh beberapa rancangan. Daripada Rancangan Malaysia Pertama hinggalah ke Rancangan Malaysia Ketiga. Semuanya ini ialah untuk pembangunan Negara. Kita tidak menafikan kemajuan yang dicapai dalam beberapa rancangan pembangunan. Hasilnya dapat kita lihat sekarang. Tetapi Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan tentang pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan terhadap rancangan pembangunannya.

Dalam tahun 1977 hutang Kerajaan Persekutuan bertambah sebanyak 21.5% iaitu mencapai angka \$16,014 juta. Manakala hutang di dalam negeri berjumlah sebanyak \$12,491 juta dan merupakan 78% daripada jumlah hutang. Peratus hutang luar negeri berjumlah sebanyak 22% dalam tahun 1977.

Tuan Pengerusi, wang pinjaman dari luar negeri merupakan sebanyak 22% yang dijangka dalam tahun 1977, namun punca kewangan yang besar yang didapati dalam negeri ialah daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) yang menyumbangkan sebanyak 40.6% daripada jumlah pinjaman dalam negeri dalam tahun 1976 tetapi telah turun sedikit-sebanyak 36.7% dalam tahun 1977.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa sumber kewangan dalam negeri boleh didapati sekiranya ada tarikan yang menarik diberi kepada penyumbang-penyumbang pinjaman tersebut. Umpamanya, dalam menjual Bond Kerajaan, dalam jangka pendek, interest yang dikenakan hendaklah diberi kepada paras yang maksimum yang boleh memberi insentif kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan bahawa oleh kerana sumber kewangan dalam negeri boleh didapati dengan beberapa insentif yang harus diberi sebagai satu galakan, maka bank-bank tempatan melalui Bank Negara, boleh menyumbangkan pinjaman tersebut. Begitu juga dengan pinjaman dari Bank Simpanan Nasional, ataupun dari syarikat-syarikat swasta yang besar, seperti Dunlop, Guthrie, Sime Darby, dan sebagainya hendaklah diminta menyumbangkan pinjamannya kepada pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, kalau kita membuat kajian secara mendalam di mana pakar-pakar kewangan kita atau penyelidik-penyelidik kita boleh ditugaskan untuk membuat penilaian dan kajian secara perincian akan kemajuan perkembangan syarikat-syarikat yang bertaraf antarabangsa yang sekarang ini dikenal dengan nama multi-national, maka saya percaya keuntungan besar yang berlipat ganda itu, boleh diminta melaburkan semula hasil keuntungannya itu kepada projek-projek pembangunan negara. Tuan Pengerusi, kita tidaklah meminta semua keuntungan itu dilaburkan semula, tetapi sekurang-kurangnya peratus keuntungan itu hendaklah disumbangkan kepada pinjaman Kerajaan.

Ini difikirkan dapat memberi faedah kepada negara dan rakyat.

Mengikut apa yang saya faham, sumber kewangan dalam negeri kita sendiri adalah berlebihan. Ini didasarkan bahawa tiap-tiap shares yang dijual di pasaran, selalunya melebihi (over-subscribed) lima enam kali ganda. Ini menunjukkan bahawa punca-punca kewangan dalam negeri ada dan tetap ada. Cuma samada kita ingin mengusahakannya atau tidak — itu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya rasa masanya sudah sampai bagi Kerajaan untuk mengkaji semula struktur pinjaman dari luar negeri, dan untuk ini, pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan hendaklah mempunyai pandangan kebangsaan yang luas dan jauh samada ia menguntungkan kepada negara atau sebaliknya.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan Kementerian ini.

3.30 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan untuk tahun 1978 yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Suka saya bercakap di Bahagian B. 35 Aktiviti (1b), (2b), (3b) dan (4b) bagi Negeri Sarawak di muka 253 di mana peruntukan bagi tahun 1978 mengikut seperti tercatat di dalam buku Belanjawan ini adalah keempat bahagian ini bertambah daripada peruntukan tahun 1977 yang berjumlah semua bagi empat aktiviti ialah \$3,412,600.00. Didapati kelebihan sebanyak \$1,222,760.00, daripada peruntukan tahun 1977. Dukacita pada keseluruhannya peruntukan tahun 1978 adalah kurang sebanyak \$.28 juta bagi

Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Sarawak seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan masa membentangkan peruntukan yang dikehendaki ini.

Di sini saya suka menyentuh Bahagian Aktiviti (1) iaitu Perkhidmatan Am dan Bantuan dan seterusnya Bahagian Aktiviti (2), (3) dan (4) — saya sentuh sekaligus. Oleh kerana keempat-empat aktiviti ini ada berkaitan di antara satu sama lain bagi tugas kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais di Raja Sarawak.

Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Negeri Sarawak samalah juga seperti kakitangan Kastam dan Eksais di negeri-negeri yang lain dalam Malaysia. Bagi menjalankan tugas dan kewajipan mereka yang bertanggungjawab bagi kepentingan hasil pendapatan cukai barang-barang keluar dan masuk Negeri Sarawak.

Pertambahan peruntukan bagi tahun 1978 ini adalah boleh saya sifatkan sebagai menambah baik lagi perjalanan pentadbiran Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Negeri Sarawak yang sentiasa bertambah dari semasa ke semasa bagi mengendalikan kargo barang-barang yang bercukai melalui laut, udara dan daratan.

Di sini saya ingin juga bercakap satu perkara yang menimpa nasib seorang Pegawai Kastam yang bertugas di Lapanganterbang Kuching yang mengendalikan segala barang-barang yang masuk yang dikenakan cukai. Apabila pegawai itu bertanya kepada seorang penumpang yang membawa satu botol minuman keras yang datang dari Singapura satu pertengkaran berlaku kerana cukai di mana Pegawai Kastam itu dipukul oleh penumpang yang membawa minuman keras dengan botol itu mencederakan di bahagian kepala pegawai yang malang itu terpaksa dirawat di hospital untuk beberapa hari. Oleh yang demikian, saya bercadang supaya Pegawai-pegawai Kastam dan Eksais yang

ditugaskan di tempat-tempat yang tertentu dibekalkan dengan senjata untuk mempertahankan diri mereka, kerana tugas Pegawai Kastam dan Eksais serupa sahaja dengan tugas Pegawai Polis dan Pegawai Keselamatan selalu ditentang oleh orang yang tidak patuh kepada Undang-undang Kerajaan.

Di sini suka juga saya bercakap tentang tata tertib Pegawai-pegawai Kastam yang tertentu. Apa yang saya telah difahamkan oleh rakyat di kawasan saya terdapat juga seorang Pegawai Kanan Kastam di masa cutinya sedang giat berkempen dan memburuk-burukkan nama-nama pemimpin-pemimpin Kerajaan pada hari ini. Perkara ini berlaku semasa pilihanraya kecil (by-election) Dewan Undangan Negeri Balingian pada pertengahan tahun ini dan masa Rigata di Daerah Dalat. Perkara ini memang terbukti sehingga ianya dihalau oleh salah seorang penduduk di kawasan yang saya sebut itu. Apa yang saya minta Kementerian ini atau pihak yang berkenaan supaya Pegawai-pegawai Kastam dan siapa sahaja Pegawai Kerajaan yang lain dengan terang-terangnya memburukkan nama pemimpin dan Kerajaan harus diambil tindakan yang wajar. Saya berpendapat pegawai-pegawai seperti itu jika mahu berpolitik cara giat eloklah meletakkan jawatan daripada Jawatan Kerajaan.

Suka juga saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya Pegawai-pegawai Kastam dan Eksais dari Sarawak diberi latihan yang tertentu di negeri-negeri di Semenanjung untuk mendapatkan pengalaman lebih luas lagi.

Menyentuh Bahagian P. 35, Butiran 21 dan 22 di muka surat 260 bagi Negeri Sarawak yang mendapat peruntukan sebanyak \$1,155,000.00 kurang daripada peruntukan bagi tahun 1977.

Di sini suka saya menarik perhatian Kementerian berkenaan kenderaan seperti Land Rover motobot biarlah beli yang baik dan tegap serta lebih laju lagi daripada kapal-kapal perniagaan di perairan Sarawak untuk

Pegawai-pegawai Kastam di Bahagian Pencegahan atau pegawai-pegawai biasa supaya dapat sejajar dengan tanggungjawab mereka dari segi melindungi hasil negara diceroboh oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan yang dikehendakki oleh Kementerian ini.

3.37 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya hanya berucap di atas dua perkara sahaja.

Yang pertama, ingin saya merujuk kepada Kepala B. 35 Kastam dan Eksais Di Raja di muka surat 254, Aktiviti (3) Pencegahan dan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pencegahan dan pelaksanaan dalam Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kesusahan yang dihadapi oleh ejen-ejen pengedar bukan bumiputra yang ada sekarang apabila mereka hendak mengambil pelanggan-pelanggan baru berikutan dengan satu peraturan baru yang diwujudkan oleh Jabatan-jabatan Kastam dan Eksais Di Raja berkenaan dengan membarui dan mengeluarkan lesen-lesen kepada ejen-ejen pengedar itu

Peraturan yang dikenakan oleh Jabatan jabatan Kastam dan Eksais Di Raja menyatakan bahawa ejen-ejen pengedar bukan bumiputra yang ada sekarang akan hanya dibenarkan mengambil pelanggan baru dan pelanggan-pelanggan tambahan dengan syarat bahawa ejen-ejen itu mempunyai sekurang-kurangnya 51% penyertaan bumiputra dalam pengurusan, pemilikan saham dan pengambilan pekerjaan.

Tuan Pengerusi, peraturan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja ini telah menimbulkan banyak keraguan yang mendalam kepada semua ejen-ejen pengedar bukan bumiputra yang ada sekarang:

Tuan Pengerusi, ini bukan kali yang pertama saya membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini. Saya telah berucap mengenai hal yang sama dalam tahun 1975 dan 1976 tatkala Parlimen membahaskan Belanjawan dan juga pada 18hb Julai tahun ini apabila saya membuat satu Ucapan Penangguhan dalam Dewan ini dalam mana saya ada menggambarkan malang yang merundung ejen-ejen bukan bumiputra yang ada apabila mereka cuba mengambil pelanggan-pelanggan baru atau pelanggan-pelanggan tambahan. Semasa saya membangkitkan perkara ini dalam sidang Belanjawan Parlimen tahun 1975 saya telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu bahawa beliau telah membentuk sebuah Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kerajaan untuk menyiasat dengan mendalam perkara yang dirujuk itu dan akan membuat satu laporan untuk dikaji dan selepas itu tindakan yang patut akan diambil dalam perkara itu.

Tuan Pengerusi, dalam sidang Belanjawan yang lalu dalam jawapan kepada perkara yang sama yang saya ada bangkitkan, saya juga telah diberitahu bahawa perkara yang tersebut akan disiasat sekali lagi dan tindakan akan diambil seterusnya. Dan juga dalam jawapan kepada Ucapan Pengangguhan yang saya sampaikan dalam Dewan pada 18hb Julai tahun ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan ada berkata bahawa pada 8hb Jun tahun ini Yang Berhormat Menteri Kewangan bersetuju hendak membuat perubahan berikutan dengan beberapa banyak rayuan yang telah dikemukakan terhadap peraturan yang mengkehendaki 51% penyertaan bumiputra sebelum mengeluarkan lesen kepada ejen-ejen pengedar bukan bumiputra yang ada sekarang. Tuan Pengerusi, hasil daripada perubahan ini Yang Berhormat Menteri Kewangan bersetuju bahawa mereka yang terdiri daripada ejen-ejen pengedar bukan bumiputra yang ada sekarang yang ingin mengambil pelanggan-pelanggan baru dan pelanggan-pelanggan

tambahan hanya dikehendaki menawarkan 30% ekuiti mereka kepada bumiputra untuk membolehkan mereka mendapatkan lesen.

Di sini saya harap bahawa Tuan Pengerusi, dapat membenarkan saya memetik sedikit daripada jawapan yang ada diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas hal ini.

Tuan Pengerusi: Pendek sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Ya, sangat pendek. Ini ialah satu jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada 18hb Julai tahun ini. Mengikut apa yang dikatakan dan saya quote di sini:

“Syarat-syarat baru yang telah dilaksanakan oleh pihak Kastam pada bulan Mei, 1977 ini masih lagi tidak memuaskan kepada wakil penghantaran dan/atau perkapalan milik warganegara. Beberapa rayuan telah diterima mengenainya dan oleh yang demikian sekali lagi Menteri Kewangan telah membuat penyesuaian untuk mengatasi masaalah-masaalah yang dikemukakan itu. Pada 8hb Jun, 1977 Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah bersetuju supaya bagi maksud mendapatkan kebenaran untuk menjadi wakil kepada pelanggan-pelanggan baru tambahan kepada jumlah pelanggan-pelanggan yang lama, wakil-wakil dalam kumpulan ini hanyalah diperlukan menawarkan sekurang-kurangnya 30% daripada modal sahamnya kepada bumiputra”.

Tuan Pengerusi, sungguhpun satu jawapan dan jaminan telah dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan akan tetapi saya mendapat tahu dengan amat sedih bahawa sungguhpun jaminan telah diberi oleh Setiausaha Parlimen ejen-ejen pengedar bukan bumiputra yang ada sekarang yang ingin mengambil pelanggan-pelanggan baru dan tambahan masih menghadapi kesulitan apabila mereka memohon lesen daripada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Saya telah diberitahu apabila ejen-ejen pengedar ini menemui pegawai-pegawai yang berkenaan di Jabatan Kastam, pegawai-pegawai

yang berkenaan masih menekankan supaya mereka mematuhi peraturan yang menghendaki 51% penyertaan bumiputra sekiranya mereka mahukan lesen yang baru. Masaalah yang dihadapi nampaknya telah timbul kerana kekurangan perhubungan atau penyelarasan rasmi mengenai perkara ini di antara Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dengan Kementerian yang berkenaan. Memandang kepada perkara yang saya terangkan di atas dan untuk mengatasi dan menghilangkan keraguan atau kebimbangan terhadap perkara ini saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya membuat satu kenyataan yang tegas dalam perkara ini iaitu apa yang sebenarnya diperlukan sebelum ejen-ejen pengedar bukan bumiputra yang ada sekarang berhubung dengan Jabatan Kastam untuk memohon lesen jika mereka hendak mengambil pelanggan-pelanggan baru atau dan tambahan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah mengadakan perjumpaan dengan wakil Persatuan Ejen Pengedar Pelabuan Kelang atas hal ini dan saya berharap beliau dapat memberi satu jawapan yang tegas atas hal ini supaya pada masa yang akan datang apa-apa keraguan tidak akan timbul lagi.

Perkara yang akhir yang ingin saya menyentuh di sini ialah mengenai Kepala B. 32, muka surat 240, Aktiviti (10) — Pinjaman Perumahan. Atas perkara pinjaman perumahan, Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada segi pinjaman membeli rumah harga murah atau rendah yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB). Tuan Pengerusi, kami diberitahu di Dewan ini beberapa hari yang lalu bahawa sejak sekim pinjaman membeli rumah harga rendah yang diuruskan oleh MBSB dilancarkan sehingga penghujung bulan November tahun ini sebanyak 37 projek perumahan mengandungi 9,667 yunit rumah telah diluluskan untuk dibiayai di bawah sekim ini. Dari projek-projek yang tersebut, saya memerhatikan

bahawa hanya tiga projek terlantik di Wilayah Persekutuan dan mengandungi 2,209 yunit. Ketiga-tiga projek yang saya maksudkan adalah seperti berikut:

Pertama, di Kampung Kongo Cheras yang mempunyai 1,536 yunit dengan harga jualan setiap yunit ialah \$10,000 dan di Kampung Kongo juga ada 306 yunit, harga jualan satu yunit ialah \$19,500. Kedua, di Taman Maluri Peringkat II (Phase II) Cheras yang mempunyai 112 yunit, harga jualan setiap yunit \$17,500. Dan ketiga, pembangunan batu lapan (development at 8th mile) Ulu Kelang yang mengandungi 255 yunit, harga jualan satu yunit ialah \$13,700.

Tuan Pengerusi, saya sangat menghargai usaha-usaha Syarikat Perumahan Malaysia Berhad untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah di dalam negara kita untuk memiliki rumah sendiri dan di sini saya ingin menyatakan atau menyuarakan harapan saya bahawa Syarikat itu dapat mencari cara-cara yang lebih berkesan untuk menggalakkan lebih banyak pemaju-pemaju perumahan untuk menyertai sekim pinjaman ini dan membina lebih banyak rumah-rumah harga murah.

Tuan Pengerusi, saya berharap khususnya di dalam Wilayah Persekutuan lebih banyak pemaju perumahan dapat membina lebih banyak rumah-rumah harga rendah dengan kerjasama penuh daripada Kerajaan dengan menyertai sekim pinjaman itu demi kepentingan golongan yang miskin di negara ini.

Selain daripada itu, saya ingin juga mengesyorkan di sini bahawa Syarikat Perumahan Malaysia Berhad boleh atau mungkin diberi pertimbangan bahawa kadar bunga untuk pinjaman dikurangkan dari 5.5% kepada 5% supaya golongan yang miskin dan berpendapatan rendah dapat diuntungkan lagi.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan sokongan atas permintaan saya dalam Dewan yang mulia ini sejak petang kelmarin.

Yang pertama kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang telah menyentuh perkara pembayaran oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor atas perkara penyerahan tanah Wilayah Persekutuan oleh Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Perbendaharaan akan terus membuat segala pembayaran mengikut apa-apa yang telah kita janjikan dari masa ke semasa.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh perkara pinjaman yang telah dibuat daripada luar negeri dan juga dalam negeri. Saya suka menyatakan di sini lagi sekali iaitu Kerajaan kita memang memerlukan pinjaman-pinjaman yang telah dibuat dari masa ke masa kerana keperluan atas segala aktiviti-aktiviti yang kita terpaksa menjalankan untuk kemajuan negara kita. Jumlah wang yang dikehendaki untuk membiayai pembangunan yang pesat dan sedang dijalankan dalam negara kita telah memaksa kita membuat pinjaman itu dan saya suka membuat jaminan di sini semua pinjaman yang kita telah memperolehi itu akan digunakan dengan baik dan bijak. Lagi satu sebab yang kita terpaksa mengambil pinjaman-pinjaman itu daripada negeri luar ialah kadar faedah atas pinjaman-pinjaman itu adalah murah dan rendah dan juga merupakan pinjaman-pinjaman jangka panjang untuk membiayai pembangunan kita yang terus akan dijalankan beberapa tahun lagi bagi masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah membangkitkan satu peristiwa yang dikata-

kan telah mencederakan seorang Pegawai Kastam. Memanglah peristiwa ini adalah luar biasa sedikit kalau seorang Pegawai Kastam telah pecah kepalanya sebab satu botol arak dan saya percaya tidaklah wajar sekiranya kerana peristiwa yang kecil itu telah memaksa kita membuat satu dasar yang akan memberi senjatapi kepada Pegawai-pegawai Kastam kita khasnya kepada Pegawai Kastam Di Raja dalam Cawangan Pencegah. Itulah nasib Pegawai Kastam kita yang menjalankan tugas-tugas beliau itu dalam Cawangan Pencegah. Kementerian saya memang menghargai banyak atas jasa-jasa Pegawai-pegawai Kastam khasnya dalam Cawangan Pencegah dan soal pembekalan senjatapi kepada Pegawai-pegawai Pencegah dalam Cawangan Pencegah Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja itu adalah dalam perhatian Kementerian Kewangan dan bila-bila perlu dan di mana-mana perlu sahaja perkara ini akan diperhatikan lebih tegas lagi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pegawai yang dikatakan telah memburuk-burukkan nama Kerajaan di dalam Pilihanraya Kecil, namanya Encik Ghazali, Penolong Kanan Pengarah Kastam Miri yang telah mengadakan political campaign, tindakan tatatertib sedang diambil terhadapnya.

Berkenaan dengan latihan bagi Pegawai-pegawai Kastam dari Sarawak itu saya suka menyatakan di sini ianya adalah dijalankan di Maktab Kastam di Melaka dan Pegawai-pegawai Kastam dari Sarawak juga dari masa ke masa dihantar ke stesyen-stesyen yang besar di Malaysia Barat untuk meluaskan pengalaman mereka supaya mereka itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan lebih baik dan lebih berkesan lagi.

Berkenaan dengan ejen-ejen pengedar yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu saya suka menyatakan di sini iaitu Perbendaharaan sebenarnya telah membuat arahan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja supaya ejen-ejen pengedaran ataupun penghantaran

milik warganegara diberi kebenaran untuk mengambil pelanggan-pelanggan baru tambahan sekiranya mereka menawarkan dan saya suka menggariskan menawarkan 30% daripada modal ekuiti kepada bumiputra ataupun mendapatkan kelulusan Perbendaharaan bagi suatu sekim penyertaan bumiputra, iaitu sekurang-kurangnya 30% modal ekuiti.

Saya suka menegaskan di sini apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan kita pada 18hb Julai tahun ini yang telah dibaca oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi daripada *Hansard* adalah benar dan saya suka menegaskan di sini juga bahawa apa beliau telah umumkan dalam Dewan yang mulia ini akan dikotakan. Saya rasa mungkin pengedar-pengedar itu adalah berbagai-bagai jenis dan mungkin sedikit kekeliruan telah timbul tetapi jika ada kes-kes yang spesifik, iaitu ejen-ejen pengedar itu yang bukan bumiputra menghadapi kesulitan seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu saya jemput beliau mengemukakan kes-kes itu kepada saya sendiri dan saya akan siasat supaya apa yang telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan itu dapat dikotakan.

Berkenaan dengan projek-projek pembangunan rumah murah yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga saya kurang jelas apakah aduan terhadapnya yang telah ditimbulkan olehnya akan tetapi nampaknya kemungkinan kekeliruan pun telah timbul di sini. Saya sendiri pun telah memberi sedikit-sebanyak keterangan atas semua projek-projek yang telah diluluskan oleh pihak MBSB dan butir-butir yang telah saya sendiri berikan kepada Dewan yang mulia ini satu dua hari yang dahulu itu adalah benar.

Berkenaan dengan permintaan beliau itu supaya faedah di atas pinjaman-pinjaman untuk membeli rumah murah di bawah Sekim MBSB ini diturunkan daripada 5.5% kepada

5% itu adalah sukar pada masa ini. Seperti yang Ahli Yang Berhormat itu tahu juga sekiranya pinjaman diperolehi daripada punca-punca yang lain itu faedah yang lebih tinggi lagi akan dikenakan, dan pada masa ini 5.5% itu adalah satu faedah yang paling rendah sekali yang boleh dipraktikkan dalam keadaan yang ada.

Sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada lain-lain point yang belum saya sentuh saya suka menjamin point itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya dan sekiranya perlu, tindakan akan diambil.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$29,292,500 untuk Kepala B. 32, \$133,232,800 untuk Kepala B. 33, \$692,012,000 untuk Kepala B. 34, \$52,922,300 untuk Kepala B. 35 dan \$33,034,000 untuk Kepala B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$290,396,342 untuk Kepala P. 32, \$14,450,000 untuk Kepala P. 35 dan \$400,000,000 untuk Kepala P. 67 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Kepala B. 37 (Jadual) —

Kepala P. 37 (Anggaran Pembangunan, 1978)

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Haji Othman): Tuan Pengerusi, saya bangun memohon izin mengemukakan supaya peruntukan Kementerian Perusahaan Awam berjumlah \$360,280,004 yang mana \$63,073,600 adalah Anggaran Mengurus di bawah Kepala Bekalan B. 37 dan \$307,206,404 adalah Anggaran Pembangunan di bawah Kepala Pembangunan P. 37 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, tugas-tugas Kementerian ini ialah untuk menyelaras dan mengawasi aktiviti-aktiviti dan perjalanan 20 buah Perbadanan-perbadanan Awam serta Anak-anak Syarikat yang telah ditaja oleh Perbadanan-perbadanan tersebut dari segi dasar, strategi, program, gunatenaga dan sebagainya supaya usaha-usaha mereka itu tidak akan menyeleweng daripada garis-garis panduan untuk pencapaian matlamat Kerajaan.

Di tahun hadapan usaha-usaha ini akan terus dijalankan dengan lebih giat lagi yang mana satu sistem atau cara yang lebih rapi akan dilaksanakan supaya tiap-tiap aktiviti itu dapat dikaji dengan lebih mendalam serta ukuran-ukuran di atas hasil kemajuannya dapat dipasti dari semasa ke semasa.

Usaha-usaha akan ditumpukan supaya mengujud dan meninggikan keupayaan pengurusan dan gunatenaga di dalam Perbadanan-perbadanan serta Anak-anak Syarikat itu supaya Perbadanan-perbadanan itu diurus dengan lebih profesional. Ini dengan sendirinya akan melibatkan latihan-latihan di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Di samping mengawasi projek-projek Perbadanan-perbadanan Awam, masalah-masalah yang dihadapi akan juga dikaji dan diselaras dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, kegiatan Perbadanan-perbadanan Awam di bawah Kementerian adalah seperti berikut:—

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Majlis Amanah Rakyat (MARA) seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian telah pun maklum, ialah satu Perbadanan Awam yang diberi tugas untuk mendorong, membimbing, melatih dan menolong Bumiputra supaya menyertai dengan cergas dan mencapai kemajuan di dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan. Bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut MARA memerlukan sebanyak \$41,647,000 untuk Belanja

Mengurus dan \$140,622,394 untuk Belanja Pembangunan.

Kegiatan-kegiatan latihan dan pendidikan dalam tahun 1978 akan diteruskan sebagai usaha ke arah menambahkan bilangan Bumiputra yang terlatih di dalam semua peringkat tenaga. Berhubung dengan latihan kemahiran beberapa kursus baru akan diperkenalkan pada tahun hadapan di dalam Institusi-institusi Kemahiran MARA.

Untuk memberi lebih kesan di dalam mengujudkan lebih banyak lagi usahawan-usahawan baru di samping meninggikan taraf perniagaan dan perusahaan usahawan-usahawan yang sedia ada aktiviti-aktiviti Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais, Pinjaman dan Bangunan Perniagaan akan dipergiatkan dengan cara integrated approach untuk memastikan bahawa usahawan-usahawan tersebut mendapat segala dorongan-dorongan yang diperlukan di dalam memajukan bidang perniagaan dan industri mereka. Untuk aktiviti-aktiviti ini Yunit Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais memerlukan peruntukan secara langsung sebanyak \$3 juta, Yunit Perkhidmatan Bangunan Perniagaan juga dengan secara langsung memerlukan peruntukan sebanyak \$12,709,000. Untuk aktiviti Pinjaman sejumlah \$24,800,000 dikehendaki sebagai pinjaman.

Adalah juga menjadi harapan kita Pegawai-pegawai MARA di peringkat negeri dan daerah menjadi penghubung di antara peniaga-peniaga Bumiputra dengan Institusi-institusi Kerajaan dan Swasta yang memberi segala kemudahan.

Di dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian yang mana MARA terlibat secara langsung memerlukan peruntukan sebagai pinjaman sejumlah \$26,820,000 adalah dikehendaki untuk kegunaan tambahan ekuiti atau pinjaman MARA ke atas Anak-anak Syarikat, jika perlu bagi mengembangkan aktiviti-aktiviti.

Bagi aktiviti Kenderaan pula pinjaman sejumlah \$4,378,000 telah diperuntukkan untuk perkembangan usaha-usaha yang dijalankan oleh Anak-anak Syarikat juga dengan cara tambahan ekuiti atau pinjaman oleh MARA. Untuk projek Kenderaan MARA di luar bandar yang mana ini adalah projek sosial sejumlah \$6,617,000 telah diperuntukkan secara langsung.

Pada tahun hadapan Lembaga Kraftangan Malaysia akan terus mempergiatkan aktiviti-aktiviti pembangunan untuk memajukan kualiti hasil usaha kraftangan di samping melihara tradisi perusahaan tersebut.

Usaha-usaha yang lebih giat akan dibuat bagi memperkemaskan aktiviti pemasaran supaya membolehkan hasil usaha kraftangan ini bukan sahaja dapat dipasarkan di dalam negeri malah di luar negeri juga. Untuk ini sejumlah \$5,179,000 peruntukan secara langsung adalah dikehendaki bagi Belanja Pembangunan dan Mengurus Lembaga Kraftangan.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN)

Lembaga Padi dan Beras Negara pada tahun hadapan memerlukan sejumlah \$9,970,000 peruntukan secara langsung bagi Belanja Mengurusnya dan juga bagi menentukan stokpail beras sentiasa cukup bagi keperluan negara.

PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA)

Beralih kepada Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) pada tahun hadapan UDA memerlukan sejumlah \$71 juta sebagai pinjaman untuk Belanja Pembangunan. Peruntukan Belanja Mengurus tidak dibuat dan Perbadanan Pembangunan Bandar dijangka akan membiayai keseluruhan perbelanjaan mengurus yang diperlukan itu sendiri.

Peruntukan \$500,000 secara langsung telah juga dibuat untuk meneruskan Perbelanjaan

Mengurus projek pilot penempatan semula di Salak South, Kuala Lumpur.

Di dalam program Pembangunan Bandar secara menyeluruh, penyertaan Bumiputra untuk mendapat ruangniaga akan terus diberi tumpuan.

Di dalam aktiviti Pembangunan Usahawan Bumiputra pula, UDA akan terus bergiat melalui penyertaan ekuiti dengan cara custodian participation.

Sementara itu pula kerjasama Perbadanan Pembangunan Bandar dan PKEN termasuk Sabah dan Sarawak melalui PERUDA akan diteruskan untuk mendirikan rumah-rumah kedai dan ruangniaga.

PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI (PKEN-PKEN):

Pada tahun hadapan PKEN memerlukan peruntukan sejumlah \$83.75 juta untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembangunannya bagi penyediaan infrastruktur dan penyertaan di dalam bidang perniagaan dan perindustrian termasuk industri pertanian. Penyertaan PKEN di dalam satu-satu bidang dan perniagaan adalah bergantung kepada keupayaan sesuatu PKEN itu sendiri dan juga infrastruktur yang dirancang dan yang sudah ada di sesuatu negeri tersebut.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat yang memerlukan peruntukan dari Kerajaan.

KUMPULAN FIMA BERHAD

Pada tahun hadapan syarikat perusahaan makanan KUMPULAN FIMA BERHAD yang dipunyai seratus peratus oleh Kerajaan memerlukan sejumlah \$1.334 juta untuk meneruskan dan memajukan perusahaan mengetin buah-buahan dan pertanian.

BANK PEMBANGUNAN

BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BHD. pula memerlukan peruntukan sejumlah \$10

juta sebagai pinjaman. Pada tahun hadapan Bank tersebut menjangka akan mengeluarkan pinjaman sejumlah \$32 juta termasuk pinjaman kepada kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja Bumiputra untuk membeli ekuiti di dalam syarikat-syarikat berkenaan. Sementara itu usaha-usaha akan dijalankan untuk memperkukuhkan bekalan kakitangan yang berkelayakan untuk membolehkan Bank tersebut memainkan peranan yang lebih effective dari segi mengesan "new bankable projects" untuk kaum Bumiputra.

SYARIKAT LIMBONGAN KAPAL DAN KEJURUTERAAN

Peruntukan Pertanda \$10 telah diperbuat untuk Syarikat Limbongan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. (MSE). Ini adalah sebuah syarikat usaha bersama yang mana Kerajaan memiliki 51%. Swasta dalam negeri 12.25%, dan Swasta Asing 36.75%. Peruntukan Pertanda ini membolehkan Kerajaan menambahkan ekuitinya sekiranya didapati perlu bagi syarikat tersebut meluas dan memajukan usaha-usahanya.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu anggaran sejumlah \$360,280,004 bagi Kementerian Perusahaan Awam diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

4.14 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun bukan sahaja bagi pihak Matang bahkan bagi sahabat-sahabat saya yang lain juga di dalam Dewan ini yang menyokong di atas peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian Perusahaan Awam di bawah Kepala B. 37 dan P. 37 yang dimaksudkan. Di dalam perkara yang telah dimaklumkan dan juga di dalam ucapan Timbalan Menteri didapati Kementerian ini sudah banyak mencapai kejayaan khasnya di dalam lapangan perniagaan supaya bumiputra mencapai penyertaan ekonomi ke peringkat 30%. Sungguhpun begitu saya ingin menyentuh beberapa perkara yang ada kaitan yang patut

lagi ditambah ataupun dirancang dan disusun oleh Kementerian ini supaya dapat kejayaan yang lebih baik lagi pada masa hadapan.

Di dalam P. 37, Butiran 6 — Majlis Amanah Rakyat, (i) (c) — Maktab Rendah dan 6 (iii) — Perkhidmatan Pengangkutan. Di dalam hal ini saya ingin menyentuh sebuah maktab yang telah dikelolakan oleh pihak MARA yakni Maktab Rendah Sains MARA. Saya dapati pentadbiran ataupun cara-cara yang telah dijalankan oleh pihak maktab ini sejak ditubuhkan dahulu sehingga ke peringkat ini telah mendapat kejayaan yang baik. Ini adalah terbukti apabila sahaja calon-calon telah diminta oleh pihak maktab ini untuk memohon supaya menjadi penuntut di maktab yang saya sebutkan tadi, dianggarkan telah meningkat begitu ramai lebih kurang 2,000 orang. Dari permohonan 2,000 orang itu saya diberitahu akan diambil lebih kurang 200 orang sahaja. Ertinya 1,800 orang lagi tidak dapat diambil oleh sebab perkara-perkara tertentu yang telah disediakan oleh pihak MARA. Pertama sekali saya diberitahu keadaan tempat tidak mencukupi lagi sebagaimana yang telah disediakan, sungguhpun ada tercatat akan dibuat di Kuala Trengganu dan di Selangor, tetapi nampaknya tidak mencukupi lagi bagi tujuan-tujuan yang berkenaan. Oleh sebab itu saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian kalau dapat lebih banyak lagi Maktab Rendah Sains MARA dibuat, bukan sahaja di tempat-tempat yang telah sedia ada misalnya di Seremban, Kulim, Kota Bharu bahkan di harap kalau dapat oleh kerana di Malaysia ini ada 13 buah negeri, sesuailah tiap-tiap negeri ada sebuah Maktab Rendah Sains MARA bagi keperluan penuntut yang telah memohon yang bertambah ramai dari semasa ke semasa. Saya percaya apabila Maktab Rendah Sains MARA ini dapat didirikan di tiap-tiap negeri di Malaysia kita ini, penampungan khasnya bagi penuntut-penuntut Melayu maju di dalam bahagian pelajaran sains dapat maktab ini mengambil bahagian bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Perkhidmatan Pengangkutan; yang saya maksudkan di sini saya khaskan kepada bas MARA. Peruntukan telah diminta sebanyak \$4,378,000 bagi menambah lagi bas-bas, membaiki bas dan sebagainya yang ada kaitan dengan bas MARA. Saya menyokong di atas permohonan ini oleh kerana semenjak perkhidmatan bas MARA berkhidmat bagi rakyat di seluruh negara, kemudahan perjalanan rakyat daripada satu tempat ke satu tempat telah dapat diatasi dan tambangnyapun boleh dikatakan murah berbanding dengan tambang teksi yang mereka keluarkan. Tetapi di dalam perkhidmatan yang telah ada pada masa ini, sesuai dengan permohonan kerana hendak menambah bas MARA daripada begitu banyak seperti yang sedia ada ini, saya menyokong sangat supaya penambahan itu dapat dibuat dan dapat mendatangkan kemudahan lagi bagi rakyat berjalan dari satu tempat ke satu tempat. Oleh sebab kemajuan yang telah dicapai oleh bas MARA ini telah pun dapat dipelajari oleh syarikat-syarikat bumiputra daripada perkhidmatan yang telah dibuat oleh bas MARA.

Satu daripada saham-saham MARA di dalam sebuah syarikat di Perak dan Pulau Pinang, Bas Ekoba yang tidak silap saya MARA telah mempunyai saham 21% pada masa penubuhan ini dibuat dahulu bersama-sama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, kalau tidak silap saya 30% dan tiga buah Syarikat Bumiputra yang lain. Tetapi oleh kerana Bas Ekoba ini telah begitu maju dan mendapat keuntungan yang banyak, pada akhir-akhir ini Syarikat Bumiputra yang berkenaan telah memohon kepada pihak MARA supaya saham yang dimiliki sebanyak 21% itu diberi kepada mereka. Hal ini telah ditunai-kan oleh pihak Kementerian ini dan pihak MARA. Saya bagi pihak syarikat-syarikat yang berkenaan, khasnya Syarikat Kenderaan Bukit Gantang mengucapkan terima kasih di atas apa yang telah diberi oleh MARA kepada syarikat-syarikat Bumiputra yang sudah sanggup menjalankan pentadbiran kenderaan yang diusahakan. Oleh sebab ini satu contoh yang

baik, jika ada lagi saham-saham MARA kepada syarikat-syarikat yang lain yang didapati menasabah dan sesuai pula dengan kehendak syarikat-syarikat yang bercantum dengannya ataupun yang dapat dipercayai olehnya supaya memberi lagi kepada syarikat-syarikat Bumiputra yang lain. Mudah-mudahan dengan cara ini akan majulah syarikat-syarikat yang telah bersusah-payah bumiputra menubuhkannya.

Jadi selain daripada saham-saham yang ada yang dimiliki oleh MARA dalam syarikat-syarikat yang saya katakan tadi, bukan itu sahaja, bahkan Bas Express MARA ataupun bas MARA ini yang dimiliki 100% modalnya daripada MARA patutlah pula dapat syarikat-syarikat yang lain yang dimiliki oleh Bumiputra ataupun Bumiputra yang lain dapat bersama-sama mengeluarkan saham beberapa peratus, katalah, 30% supaya dapat mentadbir dan mempelajari dari bas MARA yang saya katakan maju tadi dan beri pula peluang kepada Bumiputra atau syarikat-syarikat Bumiputra dapat mentadbir bersama. Mudah-mudahan dengan cara ini beransur-ansurlah diberi saham-saham kepada syarikat Bumiputra dari masa kesemasa dan akhirnya Bumiputra di dalam negara kita bukan sahaja dapat mentadbir ataupun membuat dalam lapangan perniagaan bahkan di dalam pentadbiran bas ini pun mereka sanggup dan mereka dapat pula mencapainya.

Di dalam pelaksanaan ini cuma yang saya biasa dengan ada juga sungutan daripada orang-orang yang biasa melihat Bas Ekspres MARA ini lalu-lalang di kawasan mereka dan berselisih dengan kenderaan-kenderaan lain di jalan yang dilalu-lalang oleh mereka biasa disebut kepada saya bas MARA ini terlalu laju daripada hadnya. Apabila terlalu laju sungguhpun ini memberi keuntungan kepada MARA tetapi membimbangkan pula kenderaan-kenderaan yang berhampiran dengan bas ini apabila berselisih dan begitu juga orang ramai yang lalu-lalang di atas jalanraya yang dilalui oleh bas. Nampak sahaja bas MARA mereka rasa bimbang kalau-kalau

mereka terlibat di dalam pelanggaran. Jadi di dalam lapangan maju yang saya katakan tadi kita sudah ada satu masaalah yang lain pula. Jadi dengan sebab itu jika dapat patutnya di kawasan-kawasan tertentu, di kawasan yang sibuk, di kawasan yang melibatkan orang ramai dan sebagainya patut dinasihat kepada mereka yang memandu dapat mengikut kehendak undang-undang jalanraya di tempat tersebut supaya keadaan atau nama baik bas MARA itu yang sudah baik itu dapat baik lagi dari masa ke semasa. Saya percaya sungguhpun perkara ini kecil tetapi perkara-perkara yang kecil ini juga menjadi perhatian orang ramai dan diharap dapat diatasi dari masa ke semasa.

Selain daripada ini, saya dapati apa yang telah dikemukakan di sini banyak menunjukkan bagaimana rancangan-rancangan kemajuan-kemajuan yang akan diperolehi oleh pihak Kementerian ini dari masa ke semasa bahkan saya telah diberitahu Kementerian ini telahpun pindah ke satu bangunan yang lebih indah dan dapat pula saya percaya di atas bangunan yang indah ini dapat bersama dengan pegawai yang begitu ramai mencari jalan untuk mengatasi masaalah-masaalah yang saya katakan tadi dan di samping itu dapat pula mengatasi masaalah-masaalah yang lain jika timbul dari masa ke semasa.

4.28 ptg.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat itu kerana telah membuat satu dua pengesyoran dan juga memuji Kementerian iaitu MARA dalam perbahasan ini. Bagi makluman Yang Berhormat bahawa pada masa ini Maktab Rendah Sains MARA telah dibuat di Negeri-negeri Pahang, Kelantan, Kedah, Trengganu, Negri Sembilan dan yang sedang dalam rancangan ialah di Negeri-negeri Johor, Melaka, Perak, Selangor dan Pulau Pinang. Jumlah penuntut-penuntut yang diambil pada tiap-tiap tahun di tiap-tiap sekolah ialah 150

orang. Sekarang sudah ada 5 buah maktab jadi MARA mengambil seramai 750 penuntut bukan 200 sebagai Yang Berhormat telah katakan tadi.

Berkenaan dengan pengangkutan bas MARA Yang Berhormat menyatakan sekiranya ada lagi projek-projek bas MARA yang hendak dijual saham-sahamnya sukalah saya memaklumkan bahawa memang ada rancangan hendak menjual saham sebanyak 40% daripada Bas Ekspres MARA kepada orang ramai. Sekarang persediaan sedang dibuat dan, Insya Allah, tidak berapa lama lagi sebanyak 40% yang bermakna lebih kurang \$2.5 juta akan dijual kepada orang ramai prioriti atau keutamaannya diberi kepada Syarikat-syarikat Kerjasama Kenderaan dan juga Syarikat-syarikat Kenderaan Bumiputra. Daripada 40% itu lebih kurang 13% akan dijual kepada pekerja-pekerja Syarikat Bas Ekspres MARA Sdn. Bhd. Memanglah cadangan MARA, Kementerian, dan juga Kerajaan untuk menjual saham-saham di masa akan datang dalam syarikat-syarikat yang telah membuat untung. Berkaitan dengan Bas Ekspres MARA ini sukalah saya memaklumkan bahawa Bas Ekspres MARA ini telah membuat keuntungan dalam masa tiga tahun yang lepas. Sebab itulah MARA dan juga Kementerian bercadang hendak menjualkan saham selepas sahaja dapat persetujuan dari Kerajaan.

Berkenaan dengan teguran terhadap pemandu-pemandu yang membawa bas-bas MARA ini laju, memanglah arahan telahpun dikeluarkan berkali-kali kepada pemandu-pemandu bahkan tindakan disiplin juga telah diambil terhadap pemandu-pemandu yang memandu bas-bas ini terlampau laju sehinggalah ada kemalangan-kemalangan telah berlaku, dan dari semasa ke semasa memanglah pegawai-pegawai MARA ini yang mentadbirkan kenderaan melawat dan memeriksa ataupun mengawasi supaya pemandu-pemandu ini tidak membawa sebegitu laju. Banyak penumpang-penumpang telah menulis surat bahkan kepada saya sendiri mengadu

mengatakan bas-bas MARA ini lari terlampau laju sangat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Insyallah, perkara ini kita akan sentiasa menarik perhatian pemandu-pemandu supaya memerhati semasa membawa Bas-bas Ekspres ini dan juga bas-bas yang lain.

Tuan Pengerusi, saya suka mohon izin mengambil peluang ini untuk menjawab ataupun menarik perhatian kepada tohmahan-tohmahan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor di Dewan ini pada 18hb November yang lalu. Beliau telah menuduh bahawa cek-cek pembayaran dari UDA telah dikeluarkan tanpa baucer. Perkara ini ditimbulkannya di dalam perbincangan mengenai Aktiviti Penyelidikan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio Jabatan Perdana Menteri iaitu perkara ini akan disiasat. Oleh kerana UDA terletak di bawah Kementerian saya, maka saya rasa adalah kewajipan saya bagi menerangkan perkara yang sebenarnya. Cek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ataupun cek-cek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah sebenarnya dikeluarkan oleh sebuah syarikat usahasama di mana UDA mempunyai ekuiti sebanyak 50% dan ia telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat. Saya menerangkan di sini bahawa tohmahan-tohmahan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu memeriksa dahulu dengan Pendaftar Syarikat akan Penyata Kewangan Syarikat yang dimaksudkan kerana ia telahpun diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan juga akaunnya telah diodit dan dihantar kepada Pendaftar Syarikat.

Sebagai Ahli Dewan Rakyat, beliau tidak sepatutnya menggunakan keistimewaannya mengeluarkan tohmahan-tohmahan serupa itu dalam Dewan yang mulia ini kerana ini boleh mengelirukan Dewan dan juga menghilangkan kepercayaan orang ramai kepada UDA se-

bagai sebuah badan awam yang dipertanggungjawabkan untuk memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Bagi makluman, Tuan Pengerusi, dengan sebab kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu pada hari itu, pada keesokannya akhbar-akhbar telah menyiarkan headline di muka hadapan iaitu "Fraud di UDA"; "Shady deals in UDA"; "Bayaran Tanpa Baucer" dan lain-lain. Ini mengelirukan orang ramai. Ahli Yang Berhormat itu menuduhkan UDA mengeluarkan cek-cek itu dengan tiada baucer. Yang sebenarnya UDA tidak mengeluarkan cek-cek itu dengan tiada baucer. Perkara ini, Tuan Pengerusi, saya akan menghantar surat kepada Committee of Privileges di Dewan ini pada masa akan datang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$53,073,600 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$307,206,404 untuk Kepala P. 37 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Kepala B. 38 (Jadual) —

Kepala P. 38 (Anggaran Pembangunan, 1977)

4.35 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Kesihatan bagi tahun 1978 berjumlah \$665,287,340 iaitu \$577,408,000 bagi Belanja Mengurus di bawah Kepala Bekalan B. 38 dan \$87,879,340 bagi Belanja Pembangunan di bawah Kepala Bekalan P. 38. Anggaran Belanja Mengurus untuk Semenanjung Malaysia ialah sebanyak \$482,230,000; manakala bagi Sarawak \$48,281,000 dan bagi Sabah \$46,897. Tambahan bagi Belanja Mengurus dibandingkan dengan peruntukan

tahun 1977 ialah sejumlah \$127,229,000 atau kira-kira 28.2%; manakala bagi Belanja Pembangunan pula Kementerian Kesihatan memohon peruntukan yang kurang dari tahun 1977. Kekurangan ini adalah sebanyak \$3,808,230 atau 4%. Pada keseluruhannya peruntukan yang dipohon ialah 23% lebih dari jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1977.

Tambahan kepada Belanja Mengurus adalah terdiri dari \$102,455,000 untuk Emolumen. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan gaji berdasar kepada Laporan Gaji Kabinet, kenaikan gaji tahunan dan adanya jawatan-jawatan baru bagi tahun 1978. Sementara tambahan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan dan lain-lain ialah sebanyak \$24,776,900. Penambahan ini ialah disebabkan perkembangan yang pesat dalam semua aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian ini terutama sekali dalam Aktiviti Kesihatan dan Rawatan Pesakit.

Tuan Pengerusi, saya memohon untuk menerangkan secara ringkas butir-butir penambahan di bawah tiap-tiap aktiviti yang saya nyatakan tadi.

Aktiviti Pentadbiran Am

Jumlah yang dipohon di bawah aktiviti ini adalah sebanyak \$17,184,000 yang merupakan penambahan kira-kira 25.6% dari jumlah yang diluluskan untuk tahun 1977.

Aktiviti ini menentukan dasar dan meneliti pelaksanaan keseluruhan rancangan di bawah Kementerian Kesihatan dengan mengawasi segala perkhidmatan yang diberi di bawah tiap-tiap aktiviti lain.

Beberapa jawatan tambahan telah dipohon di bawah aktiviti ini dan dengan adanya penambahan jawatan ini, adalah diharapkan mutu pentadbiran keseluruhannya akan dapat diperbaiki lagi pada tahun-tahun akan datang.

Aktiviti Perkhidmatan Setor dan Bekalan

Di bawah Aktiviti Setor dan Bekalan peruntukan yang dipohon ialah sebanyak \$9,929,000 iaitu kira-kira 45.3% melebihi anggaran pada tahun 1977.

Aktiviti ini bertanggungjawab mengadakan satu sistem bekalan ubat dan peralatan yang berkesan selaras dengan keperluan bagi semua aktiviti terutama sekali bagi perkhidmatan Rawatan Pesakit. Dengan adanya perkembangan dalam pengeluaran sebahagian dari ubat (drugs) dan suntikan yang diperlukan di Makmal Petaling Jaya, Kementerian saya telah dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit dari segi pembelian, mengikut kajian harga ubat atau suntikan yang dijual di pasaran adalah lebih mahal dari harga pengeluaran di Makmal itu.

Sebuah Makmal Kawalan Kebangsaan sedang dibina di Petaling Jaya dan akan memberi perkhidmatan pada awal tahun 1978. Makmal ini akan mengendalikan penyiasatan-penyiasatan dan kajian-kajian serta mengawal mutu dan kualiti ubat dan diedar di dalam negara kita.

Aktiviti Latihan

Peruntukan yang dipohon di bawah aktiviti ini ialah \$14,865,000 iaitu 52.49% melebihi anggaran 1977.

Dalam tahun 1978 Kementerian saya akan mengadakan latihan bagi pelatih-pelatih yang terdiri daripada lebih kurang 25 Juru X-Ray, 20 Jurupulih Anggota, 675 Jururawat, 45 Jururawat Pergigian, 180 Pembantu Hospital, 80 Inspektor Kesihatan, 120 Juruteknoloji Makmal, 100 Pembancuh Ubat, 539 Penolong Jururawat, 60 Pembantu Hospital Rendah, 444 Bidan dan 120 Pembantu Makmal Muda.

Bilangan kakitangan yang akan mengikuti kursus dalam perkhidmatan dalam tahun 1978 ialah 4,116 iaitu dalam 82 jenis kursus. Pada tahun 1977 2,300 orang sahaja dijangka

berpeluang mengikuti 51 kursus yang disediakan. Penambahan pesat ini adalah sesuai dengan perkembangan ilmu perubatan dan perawatan moden. Kementerian saya akan menghantar lebih ramai Pegawai-pegawai Perubatan, Pergigian, Ahli Kimia Ubat, dan lain-lain ke seberang laut bagi mendapat ijazah lanjutan.

Di samping itu pula, terdapat 3 kursus ijazah lanjutan dijalankan di Universiti Malaya iaitu Ijazah Sarjana dalam bidang Kesihatan Umum, Psikologi Perubatan dan Kaji Penyakit.

Aktiviti Perancangan dan Pembangunan

Peruntukan yang dipohon di bawah aktiviti ini ialah \$865,000. Aktiviti ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Kementerian Kesihatan. Aktiviti ini juga ditugaskan mengumpul dan menyebarkan rekod dan statistik perubatan Kementerian kepada Bahagian-bahagian lain.

Untuk membantu dalam merancang dan melaksanakan berbagai projek bagi Kementerian Kesihatan, satu unit telah ditugaskan untuk mengatur sistem Pengumpulan Data Kesihatan. Dengan adanya sistem ini nanti Kementerian Kesihatan akan mempunyai maklumat yang berfaedah dan mencukupi bagi maksud perancangan strategi, pengurusan dan kawalan pelaksanaan.

Aktiviti Kesihatan Umum

Aktiviti Kesihatan Umum memerlukan \$136,532,000. Ini bertambah sebanyak \$30,397,000 atau kira-kira 28.6% dibandingkan dengan Anggaran Tahun 1977.

Di bawah Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, perhatian adalah diberi kepada kesihatan kanak-kanak pra-sekolah, kanak-kanak sekolah dan kesihatan ibu mengandung. Dalam tahun 1978 kira-kira \$862,000 adalah dicadangkan untuk membekalkan susu sekim bagi menampung kekurangan zat bagi

setengah ibu dan kanak-kanak yang meliputi kira-kira 62,000 orang berbanding dengan 55,000 orang dalam tahun 1977. Dalam masa yang sama kempen untuk membasmi cacing di kalangan kanak-kanak sekolah dan kanak-kanak pra-sekolah akan diperluaskan untuk meliputi kira-kira 1.3 juta kanak-kanak.

Dalam bidang perkhidmatan penentuan dan rawatan pesakit, 6 lagi Pasukan Bergerak akan ditambah dalam tahun 1978 menjadi 46 jumlah kesemuanya.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya juga akan terus memberi perhatian yang berat terhadap rancangan Kebersihan Alam Sekeliling. Dalam usaha ini 15 Pasukan Bergerak Kebersihan Alam Sekeliling akan mula menjalankan perkhidmatannya.

Satu lagi aktiviti Kebersihan Umum ialah kawalan penyakit-penyakit berjangkit. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi mengatur, merancang dan melaksanakan proses-proses kawalan penyakit-penyakit berjangkit itu.

Yunit Kawalan Vektor Kementerian Kesihatan akan menumpukan usaha kepada kawalan denggi dengan mengadakan ceramah kepada orang ramai untuk memelihara kebersihan sekeliling dan juga memusnahkan pembawa denggi dengan menggunakan ubat jentik-jentik.

Bagi Rancangan Membasmi Malaria sehingga tahun 1977 terdapat 109 sektor yang termasuk dalam peringkat semboran yang meliputi 683,478 buah rumah dengan penduduk-penduduknya berjumlah 3,387,636 orang. Di samping penyemburan tugas bagi pengesanan kes-kes Malaria diteruskan.

Aktiviti Pergigian

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1978 penambahan bagi aktiviti ini ialah sebanyak \$28,963,000 iaitu sebanyak 26.1%. Tujuan Perkhidmatan Pergigian ialah untuk menjamin kesihatan pergigian yang sempurna kepada

orang ramai di samping memberi rawatan pergigian, pembedahan, cabutan, tampalan dan pemasangan gigi baru. Keutamaan diberi kepada rawatan sepenuhnya kepada kanak-kanak sekolah, rawatan kepada kanak-kanak berumur lebih dari 12 tahun, rawatan secukupnya kepada kes-kes hospital, rawatan kepada ibu mengandung dan rawatan cemas bagi menghilangkan sakit kadangkala memberikan gigi baru. Kementerian Kesihatan akan menambah 126 buah lagi kerusi Pergigian dalam projek-projek yang akan disiapkan dalam tahun 1978.

Dalam tahun 1978, perkhidmatan kepakaran Pergigian dan kepakaran Orthodontik akan diperkemaskan dengan mengadakan beberapa jawatan pegawai-pegawai pakar. Dengan adanya pegawai-pegawai pakar ini, semua negeri akan mempunyai perkhidmatan kepakaran.

Penyelidikan

Tuan Pengerusi, pada tahun 1977 peruntukan bagi aktiviti ini adalah \$4,260,000 manakala untuk tahun 1978 pula peruntukan yang dipohon ialah \$5,677,000 iaitu bertambah sebanyak 33.3%.

Aktiviti ini adalah bertanggungjawab dalam hal-hal penyelidikan, penganalisan dan penentuan ujian-ujian khas yang telah dilakukan oleh hospital-hospital, doktor-doktor perubatan swasta, organisasi-organisasi Kerajaan dan separuh Kerajaan yang lain di seluruh negara.

Di samping menjalankan penyelidikan terhadap penyakit-penyakit tropika, Instituti Penyelidikan Perubatan sedang menjalankan "pilot project" untuk mengeluarkan antivenin iaitu ubat untuk patukan ular. Instituti ini juga berjaya mengeluarkan vaksin (vaccine) untuk keperluan negara.

Aktiviti Rawatan Pesakit

Aktiviti ini memerlukan sebanyak \$363,402,000 iaitu tambahan sebanyak \$78,897,000 atau 27.7%.

Tujuan Perkhidmatan Rawatan Pesakit ialah untuk memberi Perkhidmatan Penentuan Pesakit dan rawatan bermutu kepada seluruh rakyat supaya pemulihan yang sewajarnya dapat dicapai dalam masa sesingkat-singkatnya.

Kegiatan mengesan penagih-penagih dadah akan diteruskan oleh Kementerian Kesihatan.

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Sarawak

Tuan Pengerusi, di Sarawak perkembangan Perkhidmatan Kesihatan telah diluaskan khususnya bagi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar melalui perkhidmatan di Klinik-klinik Desa, Dispensari Bergerak, Dispensari-dispensari kecil dan Pasukan Bergerak Kampung.

Untuk membaiki lagi perkhidmatan keseluruhannya perkhidmatan "Doktor Udara" akan diperluaskan ke kawasan-kawasan pedalaman sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan kesihatan kepada semua penduduk di negara kita.

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Sabah

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1978 Kementerian Kesihatan akan mengadakan Perkhidmatan "Doktor Udara" bagi kawasan-kawasan pedalaman di Sabah. Perkhidmatan ini akan diadakan selama 3 minggu dalam sebulan untuk meliputi lebih kurang 50 kawasan pedalaman dan luar bandar.

ANGGARAN PEMBANGUNAN

Peruntukan yang dipohon di bawah maksud Pembangunan 38 untuk tahun 1978 ialah \$87,879,340 terdiri daripada \$66,986,160 untuk Semenanjung Malaysia, \$8,481,310 untuk Negeri Sarawak dan \$12,408,870 untuk Negeri Sabah.

Semenanjung Malaysia

Dalam tahun 1978, Kementerian saya akan terus memberi keutamaan yang tinggi dalam

perlaksanakan projek-projek Rancangan Kesihatan Luar Bandar yang mana peruntukan \$17.4 juta diperlukan bagi membina Pusat Kesihatan Besar baru, menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil dijadikan Pusat Kesihatan Besar, Klinik Desa baru dan mengubahsuai Klinik Bidan dijadikan Klinik Desa. Rancangan ini sedang dilaksanakan dengan pesatnya dan sejumlah 437 projek akan ada dalam berapa peringkat pembinaannya termasuk 80 buah Pusat Kesihatan Besar, 21 Pusat Kesihatan Kecil dan 305 Klinik Desa. Adalah dijangkakan 6 buah Pusat Kesihatan Besar, 10 buah Pusat Kesihatan Kecil dan 100 buah Klinik Desa akan disiapkan dalam tahun 1978.

Di bawah Rancangan Latihan \$7.4 juta adalah diperuntukkan bagi memenuhi keperluan kakitangan-kakitangan selaras dengan perluasan dan tambahan kepada perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian Kesihatan. Sambungan kepada Sekolah Latihan Pergigian di Pulau Pinang menghendaki \$1.6 juta untuk disiapkan dalam tahun 1978, \$700,000 untuk meneruskan pembinaan Sekolah Latihan Pembantu Hospital di Seremban dan \$1.3 juta untuk Sekolah Latihan Jururawat di Melaka yang dijangka siap pada akhir tahun 1978. Sejumlah \$2 juta juga dipohon untuk membina Sekolah-sekolah bagi Jururawat Desa di Negeri Johor, Kelantan dan Pahang.

Beberapa projek memperbaiki hospital-hospital diadakan juga untuk memodenkan kemudahan-kemudahan di hospital-hospital yang sedia ada bagi meninggikan taraf kesihatan kepada rakyat. Sebanyak \$11 juta dipohon untuk melaksanakan 82 projek di bawah Rancangan ini di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kementerian Kesihatan juga mengutamakan pembinaan hospital-hospital baru di beberapa negeri dengan memohon \$20.9 juta untuk tahun 1978 bagi 8 buah Hospital Besar dan 10 buah Hospital Daerah yang sedang dalam beberapa peringkat perlaksanaannya.

Dalam peruntukan ini, \$7 juta diperlukan untuk Hospital Besar Baru di Ipoh, \$3 juta untuk Hospital Besar Baru Kota Bharu, \$4.8 juta untuk Hospital Besar Kuala Lumpur, \$1 juta untuk Hospital Besar Baru Klang, \$1.5 juta untuk Hospital Daerah Baru, Tanah Merah dan \$½ juta untuk Hospital Daerah Baru Tumpat.

Bagi kemajuan Perkhidmatan Pergigian \$611,310 diperuntukkan bagi Klinik Pergigian Besar, Klinik Pergigian Sekolah dan Klinik Pergigian Bergerak.

Bangunan baru Pusat Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur telah disiapkan dan \$800,000 diperlukan untuk menyelesaikan pembayaran bagi projek ini dan pindaan kepada bangunan lama Institut Penyelidikan Perubatan.

Negeri Sarawak

Sebahagian besar daripada jumlah peruntukan adalah untuk Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar (\$2 juta) bagi membiayai 24 projek yang ada dalam beberapa peringkat pelaksanaannya, selaras dengan matlamat Kementerian Kesihatan.

Sebanyak \$3.3 juta diperuntukkan bagi Rancangan Hospital Baru dan di antara lain, \$2.2 juta diperlukan untuk membina Hospital Limbang dan \$700,000 untuk Hospital Sib. Pelbagai projek juga akan dilaksanakan di Negeri Sarawak di bawah Rancangan seperti Latihan Perkhidmatan Pergigian, memperbaiki Hospital-hospital, Perkhidmatan Setor Perubatan, Perkhidmatan Makmal, Kenderaan dan rumah-rumah kakitangan yang berjumlah \$3.1 juta.

Negeri Sabah

Dalam tahun 1978, \$2.2 juta dipohon untuk 75 projek di bawah Rancangan Kesihatan Luar Bandar bagi menambah kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar. Sebanyak 33 buah Pusat Kecil Kumpulan Kampung dan sebuah tempat Ubat Luar Bandar dijangka siap dalam tahun 1978.

Keutamaan juga diberi untuk menaikkan mutu rawatan hospital di bawah Rancangan Hospital-hospital Baru dengan peruntukan sebanyak \$1.9 juta dan Tambahan Besar Hospital-hospital khususnya \$7.3 juta untuk tambahan kepada Hospital Besar Kota Kinabalu. Hospital Daerah Beluran dijangka siap dalam tahun 1978. Projek-projek memperbaiki Hospital, Perkhidmatan Pergigian, Kenderaan dan rumah-rumah kakitangan memerlukan sebanyak \$581,500.00.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi harapan saya dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian keadaan kesihatan rakyat di seluruh negara akan dapat diperbaiki lagi supaya mereka dapat mengambil bahagian yang lebih cergas dalam projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya sekali lagi suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada pegawai-pegawai di Kementerian Kesihatan dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan Pengerusi, saya dengan sukacitanya memohon supaya peruntukan sebanyak \$577,408,000 di bawah Bekalan B. 38 Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 dan peruntukan sebanyak \$87,879,340 di bawah Kepala Bekalan P. 38 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1978 diluluskan dan dijadikan sebahagian dari Jadual.

5.03 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di atas Kepala P. 38 muka surat 294, Butiran 31, 32 dan 33.

Bagi Negeri Sarawak pada tahun 1978 peruntukan kesihatan luar bandar adalah didapati kurang daripada tahun 1977 sebanyak \$669,000. Jumlah ini agak begitu dikurangkan sedangkan segala perkhidmatan kesihatan sepertimana Yang Berhormat Menteri Kesihatan katakan, kesihatan luar bandar adalah menjadi satu tumpuan bagi

Negeri Sarawak masih belum lagi begitu memuaskan. Keadaan gudang ubat atau dispensary di luar bandar masih banyak lagi yang terdapat tidak begitu memuaskan seperti alat perkakas perubatan dan lain-lain lagi yang sepatutnya dapat diberi perhatian oleh Kementerian ini.

Sekarang Perkhidmatan Doktor Udara di Sarawak adalah satu perkhidmatan yang begitu cemerlang bagi melawat 280 kawasan yang terpencil di luar bandar seperti saya difahamkan. Apa yang saya telah difahamkan kakitangan yang berkhidmat di bidang ini tidak begitu senang hati atas masalah elauan pergian mereka itu, seperti yang terdapat pada masa ini. Mereka merasa elauan yang diberi kepada Perkhidmatan Doktor Udara tidak sesuai jika dibandingkan dengan tugas-tugas mereka itu. Oleh yang demikian, mereka telah merayu kepada yang berkenaan supaya mereka diberi pertimbangan dinaikkan lagi daripada yang ada pada masa ini. Saya sangat bersetuju atas rayuan mereka itu supaya elauan pergian mereka dinaikkan lagi seimbang dengan tugas yang mereka buat. Walaupun kita pandang mereka bertugas dengan menggunakan helicopter begitu senang sahaja tetapi tanggungjawab dan masalah mereka adalah sangat berat.

Perkhidmatan pergigian pada tahun 1978 mendapat tambahan sebanyak \$33,400 daripada peruntukan tahun 1977. Sekarang perkhidmatan pergigian kepada sekolah-sekolah yang tertentu adalah begitu baik sekali, walaupun demikian saya berharap perkhidmatan ini juga diberi kepada merata sekolah rendah di luar bandar. Biasanya budak-budak atau murid-murid luar bandar selalu didapati mendapat kerosakan gigi kerana mereka ini ramai yang tidak menggunakan ubat gigi, masih mencuci gigi mereka dengan cara biasa. Perkara ini telah menjadi kebiasaan orang-orang di luar bandar.

Tuan Pengerusi, peruntukan memperbaiki hospital-hospital bagi tahun 1978 adalah lebih baik daripada tahun 1977 di mana peruntukan

sebanyak \$640,900 telah disediakan bagi tahun 1978. Dengan peruntukan yang ada ini saya merayu supaya Hospital Daerah Mukah diperbesarkan lagi bagi menampung begitu ramai pesakit. Keadaan pada masa ini amat mendukacitakan disebabkan tidak cukup tempat bagi pesakit, terutama pesakit batuk kering atau T.B. biasanya ditempatkan di luar bilik hospital yang terdedah kepada angin dan udara sejuk. Ini boleh mengakibatkan pesakit itu kepada yang kita tidak ingini. Perkara ini saya masih ingat pernah dibangkitkan dahulu di Dewan yang mulia ini waktu saya berucap membahaskan peruntukan Kementerian ini pada tahun 1977. Sekarang sudah sampai masanya Kementerian yang bertanggungjawab ini memberi pertimbangan yang wajar untuk mengatasi masalah yang rakyat kemukakan demi nama baik Kementerian ini di samping melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat yang begitu memerlukannya. Apatah lagi perkara ini adalah perkara orang sakit; tidak ada perkataan yang lain lagi yang saya gunakan lagi di sini melainkan orang sakit adalah perkara yang tidak disukai oleh semua manusia.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 34 di muka surat 295, Hospital-hospital Baru di Sarawak yang mendapat peruntukan berjumlah \$3,300,010 bagi tahun 1978 kami tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kerajaan Persekutuan, walaupun demikian masih lagi daerah-daerah di Sarawak berkehendakkan hospital baru, satu darinya ialah Daerah Dalat. Jika dihitungkan kasar Daerah Dalat itu juga mempunyai penduduk lebih kurang hampir 30,000 jiwa yang sangat berkehendakkan rawatan bagi menjamin kesihatan mereka. Pada masa ini daerah ini telah ada sebuah Sekolah Menengah Kerajaan yang ramai juga murid-muridnya. Dengan memandang keadaan rakyat di Dalat cara perhubungan untuk mendapat rawatan doktor ke Hospital Sibul dan Mukah serta Daerah itu juga sekarang tidak ada doktor prebet. Maka saya merayu supaya sebuah hospital baru dibina di Dalat bagi menggantikan sebuah gudang ubat

atau dispensari yang dibuat oleh penjajah dahulu.

Menyentuh Butiran 36 sampai 39 di muka surat 295 di mana peruntukan di bawah lima butiran itu berjumlah \$8,481,310 bagi tahun 1978, Perkhidmatan Setor Perubatan adalah satu-satu perkara sangat diperlukan, jika sekiranya ada kakitangan Perkhidmatan Kesihatan yang mencukupi untuk bertugas, tetapi segala perbekalan ubat tidak dapat diperolehi sudah tentu mereka ini juga tidak dapat hendak berbuat apa-apa. Oleh itu, walaupun perkara ini disadari oleh Kementerian ini saya merayu di tiap-tiap hospital daerah disediakan dengan ubat-ubat yang mencukupi supaya gudang ubat bergerak atau gudang ubat yang kecil-kecil di luar bandar sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat bekalan yang mencukupi daripada hospital daerah yang berkenaan. Saya merayu juga Pusat Kesihatan Kecil yang telah disenaraikan untuk dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dibina dengan segera, umpamanya, di kawasan saya di satu tempat yang bernama Sungai Arip yang telah diberi peruntukan sebanyak \$90,000 untuk dibina satu Pusat Kesihatan Kecil, nampaknya projek itu belum lagi dibuat sekarang. Saya juga bercadang supaya satu Pusat Kesihatan Kecil atau klinik dibina di Kuala Balingian bagi kepentingan rakyat di tepi pantai di sekitar kawasan itu. Sekarang walaupun ada sebuah gudang ubat di pekan Balingian adalah sukar untuk rakyat di kawasan Kuala Balingian untuk pergi ke situ disebabkan begitu jauh dengan menggunakan bot sahaja.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya Hospital Besar Kuching dilengkapi dengan mesin mencuci darah seperti yang terdapat di Hospital Besar Kuala Lumpur sekarang. Ini sangat diperlukan. Sekarang pesakit-pesakit dari Sarawak yang berkehendakkan rawatan sedemikian terpaksa pergi ke Kuala Lumpur dan rawatan ini juga mengambil masa yang agak lama. Oleh itu, bagi pesakit

yang tidak berkemampuan sudah pasti menjadi masalah besar kepada mereka. Mengikut anggapan saya mesin pencuci darah ini tidak begitu mahal harganya serta boleh dipasang di mana hospital sahaja di negara kita ini. Ini juga boleh memberi rawatan kepada sesiapa sahaja rakyat yang memerlukan. Sekiranya mesin itu cuma diadakan di Hospital Besar Kuala Lumpur mungkin sukar untuk rakyat yang miskin terutama kami dari Sarawak pergi ke Kuala Lumpur yang berkehendak ongkos begitu besar dan juga rawatan itu sebagai pesakit luar. Sekarang apa yang saya ketahui seorang dari Sarawak mendapat rawatan seperti itu terpaksa menyewa rumah di Kuala Lumpur sudah begitu lama dan berapa lama lagi ianya akan mendapat rawatan seperti itu tidaklah diketahui. Nasib baik orang ini terdaya untuk diam dan menyewa rumah di sini. Saya berharap mendapat pertimbangan yang wajar dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Akhir kata, saya menyokong penuh segala peruntukan bagi tahun 1978 yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan.

5.16 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya juga turut bangun dan menyokong penuh peruntukan Kementerian Kesihatan sebanyak \$665,287,340 perbelanjaan bagi tahun 1978.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih sungguh-sungguh kepada Kementerian ini yang mana memberi perkhidmatan kepada kesihatan dan perubatan seluruh negara yang begitu baik dan teratur tetapi saya hendak menyentuh sedikit mengenai layanan kepada hospital-hospital di dalam negara kita ini berbeza keadaannya antara bandar dengan kampung-kampung, iaitu di desa-desa, di luar-luar bandar yang mana penduduk dalam negara ini lebih daripada 75% penduduknya ramai di kampung-kampung, nampaknya Kementerian ini lebih memberatkan kepada bandar sahaja. Kalau kita tengok hospital-

hospital di bandar-bandar begitu tinggi, sayup, begitu luas saujana mata memandang luasnya tetapi di kampung-kampung mujurlah ada didirikan klinik desanya, Pusat Kesihatan Kecil dan sebagainya tetapi para-para doktor tidak begitu ramai di kampung-kampung diletakkan. Kalau kita bandingkan di bandar-bandar kita ini sudah cukup ramai dengan doktor-doktor prebetnya, ditambah lagi dengan doktor-doktor pakar. Saya rasa layanannya tentulah tidak begitu memuaskan keseluruhan negara seimbab selaras lari dengan keadaan layanan yang dibuat oleh Kementerian ini antara desa dengan bandar.

Saya berpendapat moleklah pihak Kementerian ini mengkaji di manakah daerah-daerahnya yang mustahak dan ramai penduduknya. Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala B. 38, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Dari segi pentadbiran saya rasa kalau kita kaji hospital daerah, misalnya di daerah Batang Padang, Tapah itu sebagai sebuah hospital yang jauh daripada Kuala Kubu sebelah Selatannya, Utaranya sampai ke Ipoh, kemalangan jalanraya berleluasa hinggan terdapat sehari mati 4-5 orang terpaksa orang-orang yang mati, yang sakit, yang menerima kemalangan jalanraya itu dihantarkan ke Ipoh, di tengah jalan sudah meninggal. Hospital Tapah ini menampung daripada Cameron Highlands, daripada Tanjung Malim jauh ke selatan, kemudian sampai ke Kampar dan di Ipoh bahawa ada hospital yang mampu menerima orang yang sakit begitu teruk.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, Kementerian ini menempatkan seorang pegawai iaitu doktor-doktor ini menjadi Pegawai Kesihatan daerah dan dia juga doktor kanan ataupun doktor yang menjaga hospital. Rasa saya eloklah diasingkan. Walaupun saya percaya ini adalah satu perkara percubaan sebagaimana Kementerian Kesihatan ini satu Menteri tetapi buat dua tugas iaitu kesihatan umum dan perubatan, tetapi rasa saya kalau di daerah tak usahlah kita buat kerana pada masa ini di daerah-daerah itu pembangunan kesihatan terlampau sangat pesat seperti

menjaga kesihatan awam, kebajikan kanak-kanak dengan dengginya, dengan malariannya, jadi doktor yang menjaga itu sudah tertumpu kepada luar, dia sudah kurang bertugas di dalam hospital. Doktor-doktor yang lain itu menjaga hospital sahaja, menjaga pesakit-pesakit luar dan dalam. Rasa saya eloklah kita asingkan kerana tidak sesuai fasal pembangunan berat sebelah. Lebih baiklah mereka itu yang pembangunan menjalankan kerja pembangunan, kerja perubatan yang menjaga pesakit orang ramai. Inilah rasa saya patut dibaiki.

Dalam segi pentadbiran ini juga didapati rumah kakitangan kita terutama atenden-atenden, rumah-rumah ini didirikan pada tahun 1918 atau tahun 1926 masih lagi terdapat. Mereka ini macam di dalam jel sahaja. Macam mana atenden-atenden yang banyak anak, anak mereka ini susah hendak hidup. Tempat sembahyang, tempat makan, tempat tidur adalah selari sahaja, tak ada bilik. Macam mana mereka tidur, kita pun tak tahu, wallah hualam.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh dalam Butiran yang sama, Aktiviti (2) Perkhidmatan Setor. Perkhidmatan Setor ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memanglah bagus, dia menyebutkan tempat penyelidikan Setor Perubatan di Petaling Jaya dan sebagainya tetapi terdapat pula di daerah misalnya di satu masa dahulu ada 20 item ubat tidak ada di Hospital Tapah. Perkara tak cukup ubat ini sangatlah memalukan terutama sekali bagi Wakil Rakyat di sebelah pihak Kerajaan. Oleh itu diharaplah jangan perkara ini berlaku lagi dan saya harap wang sebanyak \$9 juta lebih bagi Perkhidmatan Setor ini kita dapat membelanjakan dan kalau dapat kita akan memohon kepada Kerajaan supaya diperbanyakkan lagi, kerana tujuan kita hendak ubat, kalau ubat tak ada, tak ada makna, bukan boleh dijangpi-jampi kerana doktor tak boleh jampi, dia beri ubat sahaja.

Kedua, berkenaan dengan alat kelengkapan. Misalnya, di Tapah ada autoclave tetapi operatornya tak ada. Inilah satu perkara yang saya musykil. Kalau kita hendak masak kapas dan kain pembalut kena bawa ke Teluk Anson cara ini menggunakan wang yang banyak, membawa keluar nurse dan atenden dari tugas di hospital menghabiskan masa semasa perjalanan dalam kereta menghabiskan petrol untuk dibawa ke Telok Anson dan kemudiannya bawa balik ke Tapah. Inilah satu perkara patutlah kita perbaiki lagi.

Mengenai pakaian pekerja-pekerja seperti atenden dan nurse, dua tahun sudah dalam soalan saya kepada Menteri Kesihatan jawapannya untuk menukarkan mutu kain itu. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan hendak memberi dua helai sebagai menggantinya, maka terpulanglah kepada budi bicara Kementerian ini, tetapi saya rasa mereka ini adalah rakyat dan mereka akan mengundi kami, eloklah didoublekan pakaian itu. Tetapi kalau hendak memberi pakaian ini rasa saya sudah sebutkan beberapa kali di tahun-tahun yang lalu di Dewan yang mulia ini supaya pakaian yang ada sekarang iaitu gaun bukan sahaja menjolok mata tetapi saya pernah melihat nurse kita apabila menonggeng mengangkat beg ataupun mengambil ubat nampak seluar dalamnya yang berwarna merah. Itu yang mendukacitakan, tetapi saya syukur alhamdulillah menengok nurse-nurse Perancang Keluarga. Bila saya tengok siri "Emergency" nurse-nursenya memakai seluar, molek, manis, tetapi bagaimana negara kita ini bukan fasal Menterinya bukan orang islam, tetapi Kerajaan kita ini. Tuan Pengerusi, apabila kita bertanya nurse samada hendakkan pakaian begini mereka tak mahu. Dahulu mereka pakai gaun panjang tetapi sekarang dialter jadi pendek supaya kelihatan seksi sedikit. Itu yang susahnyanya, orang Melayu sendiri tak hendak. Eloklah kalau dapat diperbaiki, tak usahlah kita hendak melambat-lambatkan lagi, perkara ini sangat baik dan kita mesti tinggikan kerohanian kita. Ibubapa, orang tua kita pada zaman dahulu takut hendak pergi ke hospital takut terenung

nurse-nurse yang berpakaian begitu. Sekarang ini kalau nurse-nurse pakai seluar, mereka kata sudah bersopan pakaian nurse-nurse kita. Inilah yang kita kehendaki dapat pujian dari segala manusia dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya berbalik pula kepada Perkhidmatan Latihan kerana di dalam latihan nurse-nurse dan doktor-doktor ini baru-baru ini saya tengok ada beberapa puluh orang doktor berlatih di Pusat Islam untuk memberi pengajaran Islam supaya menyedari apabila meninggal seseorang pesakit mereka akan bisikan di telinga pesakit itu dengan mengucapkan dua kalimah shadat. Didikan ugama begini sangatlah bagus. Tetapi kalau dapatlah di tempat-tempat latihan ini diadakan ahli-ahli dakwah memasuki semangat keislaman menerusi saikoloji. Terdapat juga baru-baru ini nurse-nurse bercakap; tak usahlah tengok, tak lama lagi matilah dia! Ini bukan cakap seorang nurse, tetapi adalah cakap seorang yang tidak ada masuk dalam lapangan perubatan. Kadang-kadang cakap ini pun boleh membaiki orang juga. Sepatutnya hendaklah kata: dia ini boleh hidup! Ini tidak: sudah tak ada harap, tanyalah doktor, dia kata tak ada harapan lagi! Walhal manusia itu hidup lagi. Di tempat latihan ini hendak dimasukkan semangat keugamaan, semangat peri kemanusiaan dan berbudi bahasa. Nampaknya kalau kita tidak ada mengajar budi bahasa, semangat peri kemanusiaan atau keugamaan, macam itulah kelakuan nurse-nurse atau hospital assistant begitu lantang memarah pesakit-pesakit. Seperti kata Ahli Yang Berhormat sahabat saya tadi, orang sakit ini semua orang tak gemar, yang patut digemari ialah kakitangan hospital sahaja kepada mereka. Dengan sebab itu dalam latihan ini hendaklah kita stress sungguh-sungguh supaya mereka itu benar-benar menjadi orang yang melayan pesakit-pesakit.

Tuan Pengerusi, saya hendak membawa kepada Butiran (8) — Perkhidmatan Rawatan Pesakit. Saya dapati Kelas III di hospital pinggan makan pesakit-pesakit sudah teruk

sangat. Kalau mereka membasuh, keluar salut cat tin pinggan itu, sudah buruk sangat. Kalau dapat diubah seperti di Restoran Rakyat ada lopak-lopak untuk diletakkan daging, sayur dan sebagainya adalah lebih baik, daripada diberi pinggan seperti nasi kandar. Kehormatan mereka sudah terjejas macam makan seorang hendak kena hukum bunuh di jel orang salah. Begitu juga bentuknya lebih kurang. Manusia ini kadang-kadang mereka tak berduit tetapi dari segi keagamaannya, budi pekertinya adalah tinggi seperti manusia biasa juga. Kalau dinilai atau ditimbang diri mereka itu ada berpenyakit daripada orang yang sihat, tetapi nilai jiwa mereka kadang-kadang lebih baik dari orang lain. Itulah sebabnya janganlah kita beri lagi pinggan ayan yang sudah 20 tahun dahulu masih dipakai lagi yang ditulis M.D. tidak K.K. Eloklah buang terus jangan lagi dipakai....

Tuan Pengerusi: Apa dia M.D. dan K.K. itu?

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: M.D. itu ialah Medical Department dan K.K. itu ialah Kementerian Kesihatan, Tuan Pengerusi (*Ketawa*).

Mengenai melayan pesakit tadi, saya berharap sekali lagi kepada kakitangan kita, setengah-setengah doktor ada bercakap kepada kakitangan yang bawahnya dengan Bahasa Inggeris, cubalah beri ubat yang sama tetapi jangan beri ubat yang mahal. Kerana pesakit-pesakit itu pandai berbahasa Inggeris kalau didengar oleh mereka itu tentu sakit hatinya. Inilah rupa layanan pegawai-pegawai kita yang kita kata negara kita begitu maju, tetapi yang teruknya ialah Kementerian Kesihatan lebih-lebih lagi Menteri.

Suatu perkara lagi saya berharap kerjasama para doktor. Saya sebagai Wakil Rakyat hendak menunjukkan khidmat di depan rakyat, saya bawa pesakit. "Ini orang gila", kata saya kepada seorang doktor perempuan. Ini suatu contoh kejadian di Tapah. "Oh! itu

saya punya fasal. Itu tanggungjawab saya," jawabnya. Saya kata, "Tolonglah beri injection, nurse hanya menunggu kelulusan puan doktor sahaja". "Oh! tak apa. Itu bukan kerja awak. Awak boleh pergi," jawabnya. "Saya sebagai Pengerusi Pelawat Hospital, tolonglah sedikit. Saya juga Wakil Rakyat." Jawabnya, "Awak pergi di sana, saya akan datang dan saya akan beritahu." Mungkin kerana layanan yang lewat, Tuan Pengerusi, apabila dia sampai di situ, di depan orang gila itu dia buat sikap seperti melayan orang yang sakit biasa. "Awak baring. Kita cucuk satu injection". Akibatnya orang gila itu memeluk doktor perempuan itu dan diciumnya. Jadi perciuman itu bukanlah saya sedih, saya lebih suka. Tanggunglah awak dan orang ramaipun berkata begitu. Jadi dalam hal latihan ini adalah baik supaya mereka berperibadi mulia, janganlah pula setelah menjadi doktor, nurse atau Hospital Assistant sudah hendak berlagak dengan pakaianya seolah-olah tak ada siapa yang lebih berkuasa di hospital itu. Sebenarnya mereka berlagak di hadapan pesakit, memanglah mereka boleh berlagak kerana mereka masih sihat.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya memuji dan menyokong Belanjawan ini bagi Kementerian Kesihatan untuk tahun 1978 dan diharap ditambah lagi oleh Kerajaan kerana perkhidmatan ini baik iaitu pada tahun 1979 nanti.

5.32 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, dan Aktiviti (5) Perkhidmatan Kesihatan Awam, muka surat 281, dan Kepala Pembangunan P. 38, Butiran 4 — Hospital-hospital Baru: pecahan tiga-puluh tiga (xxxiii) Hospital Daerah, Tumpat, muka surat 293.

Tuan Pengerusi, Jajahan Tumpat mempunyai penduduk seramai 73,050 orang. 65,566 orang adalah terdiri dari orang Melayu dan 7,484 orang adalah terdiri dari orang bukan Melayu dan lain-lain. Kebanyakan

daripada mereka ini adalah terdiri dari nelayan-nelayan dan juga petani-petani yang kehidupan pendapatannya purata \$100 sebulan ke bawah.

Saya menjunjung tinggi dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan kerana telah memperuntukkan sebanyak \$500,000 untuk pembinaan Hospital Daerah Tumpat yang sepatutnya dimulakan pembinaannya pada tahun 1977 ini. Dalam tahun 1977 peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah sebanyak \$800,000 dan anggaran harga projek ialah sebanyak \$3,300,000 tetapi peruntukan dalam tahun 1978 ini telah dikurangkan sebanyak \$300,000.

Tuan Pengerusi, memandangkan kawasan Tumpat yang pada masa ini tidak ada sebuah pun kelinik prebet untuk memberi rawatan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut terutama kepada penduduk-penduduk pulau yang berhampiran yang berkehendakkan rawatan segera, maka pada biasanya pesakit-pesakit itu dihantar ke Hospital Besar Kota Bharu. Ini didapati menjadi kesulitan yang amat besar kepada mereka. Dan rawatan kecemasan adalah sukar didapati memandangkan jauhnya berbelas batu.

Tuan Pengerusi, memandangkan pada hakikat ini, saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan supaya pembinaan Hospital Daerah Tumpat hendaklah disegerakan dan hendaklah mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Saya amat berterima kasih sekiranya matlamat yang telah ditetapkan itu tidak diubah-ubahkan, memandangkan peri mustahaknya penyegeraan pembinaan Hospital Daerah Tumpat itu dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian Kesihatan.

5.35 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan berbagai pandangan berkaitan dengan perkhidmatan dan rawatan pesakit khususnya di kawasan luar bandar serta juga memberi sedikit pandangan samada boleh Kementerian ini menambahkan alat-alat moden untuk memberikan rawatan lebih baik kepada pesakit di kawasan-kawasan khususnya di luar bandar.

Tuan Pengerusi, bagi Negeri Sarawak, pada keseluruhannya Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan dan Pergigian telahpun bertambah baik dari masa ke semasa. Saya dengan pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian saya telah melawat tiap-tiap daerah di seluruh Sarawak pada tahun-tahun yang sudah dan dengan mendapat kerjasama daripada samada Ahli-ahli Yang Berhormat serta juga pemimpin-pemimpin kawasan tempatan, saya percaya kehendak-kehendak rakyat itu akan dilaksanakan oleh Kementerian saya pada masa yang akan datang. Akan tetapi dengan kekurangan kakitangan khususnya doktor-doktor serta juga kakitangan yang lain, maka oleh sebab itulah dalam ucapan saya tadi, saya telah menyatakan belanjawan untuk latihan di tahun 1978 telah bertambah begitu banyak untuk mengeluarkan kakitangan perubatan untuk membantu doktor-doktor yang berkhidmat di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab soal Ahli Yang Berhormat dari Mukah, Sarawak, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu memang sedar bahawa seluruh kawasan dan daerah atau Bahagian-bahagian di Sarawak telahpun ditambah bilangan pusat-pusat kesihatan kecil dan pusat-pusat kesihatan besar serta juga kakitangannya telahpun bertambah dan juga flying doctor service telah juga bertambah sekarang dan telah menggunakan 3 buah helikopter. Dengan 3 buah helikopter itu

sekurang-kurangnya helikopter itu akan melawat setiap kawasan 1-3 kali sebulan.

Berkaitan dengan mendirikan hospital daerah, yang sebenarnya ini memanglah dasar Kerajaan kita akan tetapi melaksanakan setiap-tiap daerah mengadakan hospital daerah itu memanglah mengambil masa yang panjang sedikit oleh kerana bilangan doktor-doktor kita sebenarnya tidak mencukupi. Yang keduanya ialah kakitangan yang lain dan dengan usaha sedaya-upaya oleh Kerajaan kita dan juga kerjasama daripada rakyat maka saya percaya tiap-tiap hospital daerah di kawasan luar bandar itu akan dilaksanakan pada masa akan datang. Kita berharap dalam tahun 1990 seluruh Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur, tiap-tiap daerah diadakan sebuah hospital daerah di masa akan datang dan dengan itu saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini bersabar sedikit yang masanya akan tiba. Kita harap latihan doktor-doktor tempatan akan bertambah dari masa ke semasa seperti Fakulti Perubatan, Universiti Malaya dan Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan ini akan menambahkan bilangan doktor-doktor untuk negara kita pada masa akan datang. Dengan menggunakan Akta Perubatan serta juga nasihat-nasihat daripada pemimpin-pemimpin serta juga pegawai-pegawai di Kementerian saya serta saya sendiri, saya percaya doktor yang akan berkhidmat dalam negara kita pada masa akan datang akan bertambah lebih lagi.

Tuan Pengerusi, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini baharu-baharu ini kita telah mengadakan satu Persidangan Perubatan Menteri-menteri Kesihatan Negeri-negeri Komenwel yang bersidang di Wellington, New Zealand pada bulan yang lalu maka negeri-negeri yang maju telah berjanji dengan negeri-negeri yang sedang membangun, umpamanya, doktor-doktor yang dilatih di luar negeri itu selepas tamat latihan semua doktor-doktor yang mendapat kelulusan di negeri yang maju itu tidak dibenarkan mereka terus bekerja di negara itu. Mereka mesti

pulang kepada negeri asal. Ini satu persetujuan yang besar yang dicapai untuk negara kita oleh kerana negara ini memerlukan lebih bilangan doktor-doktor pada masa hadapan supaya rancangan-rancangan di bawah Kementerian ini boleh dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah, Sarawak, apa-apa pandangan daripada beliau itu akan mendapat pertimbangan oleh Kementerian saya dan Kementerian Kesihatan ini akan mengadakan satu mid-term review pada tahun yang akan datang dan saya percaya jikalau ada kelemahan-kelemahan yang ditimbulkan itu akan dikaji di dalam mid-term review itu pada tahun akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, saya mengucapkan terima kasih juga oleh kerana beliau sebagai Pengerusi Pelawat Hospital. Saya harap apa-apa perkara yang disebutkan oleh beliau itu, saya akan ambil perhatian dan sebagai Wakil Rakyat, beliau adalah bertugas dengan sepenuhnya maka saya bagi Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada beliau dan saya harap jikalau ada kelemahan-kelemahan yang timbul dari masa ke semasa beliau bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian saya atau saya sendiri seperti kekurangan ubat dan sebagainya. Ini sepatutnya disampaikan kepada saya dengan segera dan janganlah menunggu Persidangan Parlimen ini baharu hendak dikemukakan kepada saya. Ini satu kelemahan, saya akui memang ada berlaku dari masa ke semasa dan saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat saya percaya di kawasan masing-masing telah dilantik oleh saya sebagai Ahli Pelawat Hospital. Jadi terpaksa semua ahli-ahli kita bekerjasama untuk menyampaikan kelemahan-kelemahan yang diamalkan di tiap-tiap hospital kepada pegawai-pegawai kanan negeri atau pegawai-pegawai kanan di Kementerian saya serta saya sendiri dan saya akan siasat kelemahan-kelemahan itu dan jika perlu kita akan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah berlaku itu.

Berkaitan dengan pakaian, Tuan Pengerusi, ini ada berbagai-bagai pandangan. Kementerian telah mengadakan dialog dengan Nurses Union. Jururawat ini ada satu union. Jadi apa-apa dasar yang dilaksanakan biasanya kita akan berunding atau berdialog dengan Ketua-ketua Union. Maka pada masa sekarang ini Jururawat-jururawat kita telah berpecah kepada dua golongan. Satu golongan yang berkhidmat di kawasan luar bandar dan satu golongan lagi Jururawat yang berkhidmat di hospital atau kelinik-kelinik. Jadi dengan dua golongan itu kita berharap pada satu hari yang akan datang Ketua-ketua Union itu akan bersetuju apakah pakaian yang sesuai untuk negara kita dan saya percaya dengan rundingan serta dialog daripada pegawai-pegawai kanan serta juga Ketua-ketua Union maka berkaitan dengan pakaian itu boleh diselesaikan satu hari kelak.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pinggan makanan, Kementerian ini bercadang untuk menukarkan pinggan yang ada sekarang kepada yang baharu tetapi ini memerlukan wang ringgit yang banyak. Jadi kita mesti menukarkan ini dengan beransur-ansur, jadi mengambil masa yang lebih sedikit. Saya percaya hospital di Tapah itu akan mendapat pinggan yang baharu pada masa akan datang.

Berkaitan dengan doktor-doktor yang bekerja di luar dan juga yang bekerja di dalam hospital, ini memanglah tugas doktor-doktor yang berkenaan. Ada doktor-doktor yang bertugas di kelinik-kelinik luar bandar daripada hospital daerah itu. Misalnya, di Hospital Tapah pada masa sekarang ini ada empat doktor di situ, barangkali satu doktor akan melawat satu kelinik ke satu kelinik di kawasan luar bandar untuk memeriksa pesakit di kawasan luar bandar dan baki doktor-doktor itu adalah berkhidmat di hospital daerah di Tapah.

Berkaitan dengan perundingan dengan doktor-doktor dan juga Ahli-ahli Pelawat, ini saya fikir adalah cukup baik iaitu berdialog

antara Ahli-ahli Pelawat dengan doktor-doktor, tetapi Ahli-ahli Pelawat tidaklah bertanggungjawab untuk menasihati doktor buat ini dan buat itu, oleh kerana ini berkaitan dengan clinical dan sebagainya terpujanglah kepada doktor-doktor yang mahir.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, itu memanglah kita telah beri peruntukan sebanyak \$500,000 untuk mendirikan sebuah hospital di Tumpat. Hospital Daerah Tumpat ini sebenarnya tidak ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga, oleh kerana Tumpat itu kawasan sensitif.

Tuan Pengerusi: Macam mana sensitifnya?

Tan Sri Lee Siok Yew: Sensitifnya ialah kominis di sempadan Negeri Thai boleh menggunakannya, maka oleh kerana itulah satu reason yang kita menasihati E.P.U., Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan kebenarannya. Saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat; kita akan mendirikan sebuah hospital baharu di situ. Jika sebuah hospital akan dibina pada tahun akan datang, saya percaya apa-apa masalah yang ditimbulkan pada masa ini bolehlah diselesaikan dengan secepat mungkin. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu bersabar sedikit, hospital itu akan dibina pada tahun akan datang. Kita harap anggaran pembinaan hospital itu akan mengambil masa satu setengah tahun untuk disiapkan.

Inilah sahaja jawapan saya secara ringkas. Perkara-perkara lain semuanya ada saya tuliskan di sini, saya akan mengambil perhatian yang berat. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta juga kepada Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$577,408,000 untuk Kepala B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$87,879,340 untuk Kepala P. 38 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Kepala B. 39, B. 40, B. 41, B. 42, B. 43, B. 44 dan B. 45 (Jadual) —

Kepala P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 (Anggaran Pembangunan, 1978) —

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1978, di bawah Maksud Bekalan 39, 40, 41, 42, 43, 44 dan 45 dan Maksud Pembangunan 40, 41, 44 dan 45 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 1978

Anggaran-anggaran di bawah Maksud-maksud Belanja Mengurus yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

- B. 39 — \$35,750,000 untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- B. 40 — \$519,307,000 untuk Polis Di Raja Malaysia.
- B. 41 — \$17,172,200 untuk Jabatan Imigresen.
- B. 42 — \$781,600 untuk Pendaftaran Pertubuhan.
- B. 43 — \$11,694,700 untuk Pendaftaran Negara.
- B. 44 — \$33,567,900 untuk Jabatan Penjara dan
- B. 45 — \$13,006,600 untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Jumlah Anggaran Belanja Mengurus bagi semua Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah sebanyak \$631,280,000 bagi tahun 1978 dibandingkan dengan \$531,109,600 yang diluluskan untuk tahun 1977 iaitu bertambah sebanyak \$100,170,400.

MAKSUD BEKALAN 39 — KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jumlah peruntukan yang diminta bagi menguruskan segala Bahagian adalah sebanyak \$35,750,000 dibandingkan dengan \$26,594,800 bagi tahun 1977, iaitu tambahan sebanyak \$9,155,200.

MAKSUD BEKALAN 40 — POLIS DI RAJA MALAYSIA

Anggaran Mengurus tahun 1978 bagi Polis Di Raja Malaysia ialah sebanyak \$519,307,000 berbanding dengan kelulusan bagi tahun 1977 sebanyak \$446,969,000 iaitu tambahan sebanyak \$72,338,000. Tambahan yang banyak ialah disebabkan pelaksanaan sekim perkhidmatan baru untuk Inspektor dan Ahli Pangkat Rendah.

Pasukan Polis sedang giat diperbesarkan sejak dua tahun lalu untuk memenuhi keperluan-keperluan menjaga keselamatan dalam negeri. Dalam tahun 1978 beberapa battalion baru Pasukan Polis Hutan (P.P.H.) akan ditubuhkan di samping penambahan anggota dalam cawangan-cawangan yang lain.

MAKSUD BEKALAN 41 — JABATAN IMIGERESEN

Bagi tahun 1978 Jabatan Imigeresen memerlukan peruntukan sebanyak \$17,172,000 dibandingkan dengan \$11,095,800 untuk tahun 1977.

Bagi tahun 1978 beberapa Pejabat dan Pos Imigeresen baru akan juga diwujudkan di Pantai Barat dan di Pantai Timur Semenanjung bagi memudahkan penyeliaan orang ramai yang keluar masuk khasnya melalui jalan laut dan sejumlah 154 jawatan baru akan diwujudkan.

Kelebihan besar sebanyak \$1,078,200 adalah perlu untuk mencetak dokumen-dokumen perjalanan memandangkan ber-

tambah ramainya orang-orang yang memohon dokumen-dokumen tersebut dari setahun ke setahun.

MAKSUD BEKALAN 42 — PENDAFTARAN PERTUBUHAN

Peruntukan yang dipohon bagi tahun 1978 ialah sebanyak \$781,600 dibandingkan dengan sebanyak \$631,000 tahun yang lepas iaitu kenaikan sebanyak \$150,600. Kenaikan ini adalah disebabkan daripada pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet dalam tahun 1977.

MAKSUD BEKALAN 43 — PENDAFTARAN NEGARA

Jumlah peruntukan yang telah diminta untuk Jabatan Pendaftaran Negara tahun 1978 ialah sebanyak \$11,694,700 dibandingkan dengan \$9,287,600 bagi tahun 1977 iaitu kelebihan \$2,407,100.

Sebanyak 131 jawatan baru akan diwujudkan bagi melaksanakan beban-beban kerja yang bertambah-tambah. Permohonan menggantikan baru kad-kad pengenalan adalah dua kali ganda semenjak Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1960 dikuatkuasakan dalam tahun 1976. Jumlah Sijil Kewarganegaraan yang dikeluarkan juga telah meningkat dan sehingga 25hb September, 1977 sebanyak 2,896,664 sijil telah dikeluarkan dan diluluskan. Kelahiran adalah dianggarkan sebanyak 308,348 setahun dan kematian pula ialah 63,522 setahun iaitu dijangka meningkat sebanyak 3.3% bagi kelahiran dan 0.6% bagi kematian. Perkara-perkara perkahwinan dan anak-angkat juga diramal akan meningkat.

Ibu Pejabat Pendaftaran Negara akan berpindah ke Bangunan Blok 10 Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur pada awal tahun hadapan.

MAKSUD BEKALAN 44 — JABATAN PENJARA

Sebanyak \$33,567,900 telah dipohon untuk tahun 1978 dibanding dengan \$26,437,000

yang telah diluluskan untuk tahun 1977 iaitu perbezaan sebanyak \$7,130,900.

Kelebihan itu di antaranya sebanyak 131 jawatan akan diwujudkan dalam tahun 1978. Pusat Pemulihan Akhlak Muar yang telah dibuka semula dalam tahun 1976.

Bilangan banduan-banduan, orang-orang tahanan dan budak-budak nakal dan banduan-banduan muda telah meningkat kepada 7,685 orang pada Mac, 1977 dan penghuni-penghuni dalam bulan Februari, 1976 hanya berjumlah 6,079 iaitu telah meningkat naik seramai 1,606 orang.

MAKSUD BEKALAN 45 — JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI

Matlamat penting Jabatan ini ialah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Orang Asli demi mencapai matlamat untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain. Kekurangan kakitangan dari peruntukan bekalan pada tahun-tahun yang lepas telah menimbulkan beberapa kesulitan. Dengan keyakinan bahawa jumlah peruntukan bekalan sebanyak \$13,006,600 yang dipohon untuk tahun 1978 akan dapat menjamin Jabatan ini bergerak dengan lebih efektif dan lancar.

Pada kesimpulannya tambahan-tambahan dalam Jabatan-jabatan di Kementerian ini ialah disebabkan rombakan sekim gaji baru bagi kakitangan Kerajaan, dan meluas serta membesarkan lagi Jabatan-jabatan khasnya Polis Di Raja bagi menghadapi cabaran dari musuh kita. Kita kena menambahkan lagi kekuatan kita dan menjaga kebajikan pegawai-pegawai kita supaya "morale" mereka itu sentiasa tinggi untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang timbul yang boleh mencahar keselamatan negara kita.

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1978

Bagi Anggaran Pembangunan pula, Ke-

menterian ini telah memohon peruntukan-peruntukan seperti berikut:—

Maksud P. 40 — Polis Di Raja	
Malaysia	\$181,240,105
P. 41 — Jabatan	
Imigeresen	1,886,000
P. 44 — Jabatan	
Penjara	10,546,540
P. 45 — Jabatan Hal Ehwal	
Orang Asli	5,200,000

Jumlah Anggaran Pembangunan itu adalah sebanyak \$198,872,645 bagi tahun 1978 dibandingkan dengan \$227,151,750 yang telah diluluskan untuk tahun 1977 iaitu merupakan kekurangan \$28,279,105. Sebenarnya kekurangan ini disebabkan Polis Di Raja Malaysia mengurangkan peruntutannya sebanyak 14.5% atau \$30,645,895. Butir-butir lebih lanjut adalah seperti berikut:

MAKSUD P. 40 — POLIS DI RAJA MALAYSIA

Bagi tahun 1978 sebanyak \$181,240,105 adalah dipohon dan jika dibandingkan dengan peruntukan dalam tahun 1977 iaitu \$211,886,000 jumlah ini merupakan kekurangan sebanyak \$30,645,895. Kekurangan ini timbul kerana sebilangan alat-alat kelengkapan seperti alat-alat perhubungan radio, senjata dan peluru serta kenderaan-kenderaan yang diperlukan dalam jangka-masa Rancangan Malaysia Ketiga telahpun dibeli. Di antara projek-projek bangunan yang besar yang akan diselenggarakan dalam tahun 1978 ialah kompleks Merin Polis di Lumut Perak, dan Pusat Latihan Polis, Kuala Lumpur. Kos projek kompleks Merin Polis di Lumut djanggarkan sebanyak \$4½ juta dan bangunan-bangunan di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur sebanyak lebih kurang \$5 juta.

Di bidang kelengkapan pula, pembelian lanci-lanci ronda yang baru, sebagai ganti dan tambahan-tambahan yang lain memakan belanja sebanyak \$36.8 juta. Alat-alat radio yang baru serta pengantiannya memerlukan

perbelanjaan berjumlah \$20 juta, demikian juga kenderaan-kenderaan bagi menampung pada Balai-balai Polis secara amnya memerlukan perbelanjaan sebanyak \$9.6 juta.

MAKSUD PEMBANGUNAN 41 — JABATAN IMIGERESEN

Sebanyak \$1,886,000 telah dipohon untuk tahun 1978 dibandingkan dengan \$1,532,000 untuk tahun 1977.

Daripada 10 projek pembangunan 9 projek baru akan dimulakan dalam tahun 1978 dan peruntukan yang telah dipohon itu adalah untuk "progress payment". Projek-projek itu dijangka siap pada tahun 1979. Hanya satu projek pembinaan Komplek Imigeresen Changloon yang telah dimulakan pada tahun 1976 masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1978. Di antara 10 projek itu, 7 projek adalah untuk Semenanjung Malaysia satu di Bario Sabah dan dua di Sarawak.

MAKSUD PEMBANGUNAN 44 — JABATAN PENJARA

Sebanyak \$10,546,540 telah dipohon untuk tahun 1978 dibandingkan dengan \$9,530,030 bagi tahun 1977.

Peruntukan yang dikehendaki itu adalah untuk menyambung projek Penjara Pusat Kajang \$5,000,000 dan Penjara Semanggang Sarawak \$300,000 yang dijangka siap pada tahun 1979. Bagi membaiki dan menambah kemudahan-kemudahan penjara-penjara sebanyak \$3,933,000 dipohon untuk Semenanjung, \$410,000 untuk Sarawak dan \$857,500 untuk Sabah.

MAKSUD PEMBANGUNAN 45 — JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI

Sebanyak \$5,200,000 telah dipohon bagi menjalankan beberapa projek-projek ekonomi dan perkhidmatan sosial untuk tahun 1978 dibandingkan dengan sebanyak \$4,203,720

untuk tahun 1977 iaitu kelebihan sebanyak \$996,280.

Kegiatan pembangunan di kalangan Orang-orang Asli bagi tahun 1978 adalah diutamakan kepada sektor ekonomi. Dengan ini projek-projek yang berbentuk pertanian dan koperasi adalah lebih dititikberatkan di samping projek-projek sosial dan lainnya.

Memandangkan sambutan yang diberi oleh Orang-orang Asli terhadap rancangan pembukaan tanah adalah begitu menggalakkan sekali, maka seluas 2,198 ekar kawasan baru akan dibuka bagi melaksanakan rancangan pertanian jangka panjang seperti menanam getah, kelapa sawit, kelapa dan dusun. demikian juga dengan sambutan yang diberikan terhadap rancangan ternakan, maka lebih banyak lagi pusat-pusat ternakan akan disediakan. Untuk koperasi lebih banyak lagi peruntukan disediakan bagi binaan kedai-kedai koperasi pusat memproses rotan, bengkel kraftangan dan lain-lain bantuan yang berkaitan dengan hasil-hasil keluaran tempatan Orang Asli.

Tuan Pengerusi, sekianlah secara ringkas dan saya memohon bagi pihak Yang Berhormat Menteri supaya jumlah peruntukan ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada Jadual.

6.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bercadang bercakap secara pendek atas satu dua perkara. Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Kepala B. 43, Butiran 1100, Aktiviti (4) mengenai Pendaftaran Kewarganegaraan.

Atas perkara ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kepada keadaan yang masih tidak begitu puas hati mengenai caria yang mana permohonan kewarganegaraan dengan secara masukan (naturalisation) di bawah Fasal 19 Perlembagaan kita diposes oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, suasana tidak puas hati berlaku oleh sebab kelewatan daripada Kementerian untuk mengkaji dan membuat satu keputusan terhadap tiap-tiap permohonan kerakyatan di bawah borang "G" yang disampaikan kepadanya. Mengikut proses, permintaan kewarganegaraan dengan cara masukan, tiap-tiap permohonan menghendakki kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri sungguhpun si pemohon telah lulus dalam ujian bahasa. Pada masa sekarang permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah borang "G" atau permohonan yang dibuat melalui cara masukan menghendakki masa yang amat panjang sebelum si pemohon boleh mendapat tahu tentang samada ianya berjaya atau gagal dalam permohonannya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata, bahawa kelewatan untuk memproses permohonan sijil kerakyatan disebabkan oleh kerana si pemohon tidak menjawab kepada soalan-soalan (queries) yang disampaikan kepada beliau. Sungguhpun kadang-kadang ini adalah benar oleh sebab mungkin surat yang dihantar kepada sipemohon tidak diterima olehnya dan oleh sebab itu beliau tidak ada memberi satu jawapan yang dikehendaki. Tetapi di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada kes-kes yang mana sungguhpun si pemohon ada beri jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan akan tetapi mereka dikehendaki tunggu masa yang begitu lama, bukan dua tahun tetapi tiga empat tahun termasuk juga kes yang telah menunggu selama enam tahun tetapi sehingga kini mereka tidak diberitahu mengenai kedudukan permohonannya. Dan apabila mereka ada membuat lawatan ke Jabatan Pendaftaran untuk mendapat tahu mereka diberitahu bahawa permohonan mereka adalah dalam tindakan terakhir (final stage) dan ini bermakna bahawa permohonannya ini ada di dalam Kementerian dan dikehendaki untuk memproses sebelum sesuatu keputusan boleh dibuat.

Sungguhpun saya faham perkara ini ada hubungannya dengan masalah keselamatan

maka kes-kes ini perlu diproses dengan teliti tetapi saya juga berharap bahawa pegawai-pegawai yang berkenaan tidak perlu mengambil masa yang begitu panjang hingga empat atau lima tahun untuk memproses permohonan itu. Ini semua berpunca seperti yang saya katakan tadi daripada kelewatan jabatan yang berkenaan dan apa yang saya maksudkan ialah pegawai-pegawai dalam Kementerian sendiri.

Oleh hal yang demikian, ramai si pemohon menderita menghadapi kesusahan khasnya kes-kes mereka ada mempunyai keluarga yang besar dan mereka pada masa ini menganggur tidak dapat mencari kerja oleh sebab mereka memegang kad pengenalan merah.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada kata bahawa kelambatan yang terlampau itu untuk memproses permintaan sijil kerakyatan ada dan ini tidak boleh dinafikan ada menyebabkan kesulitan dan kesukaran kepada mereka yang berkenaan.

Yang pertama pada masa permohonan mereka di dalam pertimbangan dokumen-dokumen penting mereka seperti surat beranak, paspot dan surat-surat perjalanan adalah disimpan oleh pejabat yang berkenaan dan penyimpanan dokumen-dokumen itu bagi tempoh yang lama boleh menjadi satu halangan bagi si pemohon menyerahkan lain-lain butir peribadinya.

Yang kedua kebanyakan daripada pemohon-pemohon itu adalah terdiri daripada orang-orang yang tidak dapat pekerjaan dan kelambatan ini akan melanjutkan tempoh pengangguran mereka dan seterusnya itu akan membawa kesusahan kepada mereka dan dengan itu mungkin akan menjauhan. Itu adalah satu hal yang saya sangat bimbang. Ini mungkin menjauhan Kerajaan daripada kesetiaan beberapa orang bakal warganegara yang baik dan berguna dan dengan itu menentang dasar Kerajaan kita menawan hati dan perasaan penduduk-penduduk di negara ini.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menyasat perkara ini dan memberi satu arahan kepada pegawai yang berkenaan supaya beliau dapatlah mempercepatkan proses permohonan di bawah borang "G". Itu adalah satu hal yang pada pandangan saya adalah penting dan mustahak.

Berkenaan dengan permohonan sijil kerakyatan di bawah peraturan pendaftaran, itu ialah jenis yang lain. Tadi saya ada sebut tentang permohonan ini di bawah borang "G". Sekarang saya ingin merujuk sedikit kepada permohonan borang "E". Itu adalah satu cara pendaftaran (registration) seperti di bawah Fasal 16 Perlembagaan.

Atas hal ini saya juga berharap bahawa Jabatan Pendaftaran akan mencari jalan-jalan atau cara-cara yang boleh mempercepatkan kelulusan permohonan itu. Oleh sebab pada masa yang lalu misalnya satu application yang dibuat di bawah borang "E" itu hanya mengambil masa lebih kurang satu tahun, atau selebihnya satu tahun tiga bulan. Tetapi sekarang satu permohonan di bawah borang "E" apabila dibuat si pemohon kena tunggu 1½ hingga 2 tahun untuk mendapat satu keputusan. Dan saya haraplah atas hal ini bahawa Jabatan yang berkenaan bolehlah mencari jalan bagi mempercepatkan perkara ini sungguhpun saya faham itu melibatkan masalah keselamatan dan perlu mengambil sedikit masa.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kepala B. 43, Aktiviti (3) — Pendaftaran Beranak.

Tuan Pengerusi, mengenai permohonan untuk membetulkan butir-butir di dalam sijil beranak saya ingin mencadangkan satu kelonggaran ke atas syarat yang wujud sekarang mengenai kelulusan permohonan untuk membetulkan butir-butir di dalam sijil beranak. Oleh sebab banyak daripada jenis-jenis permohonan ini memerlukan sijil-sijil beranak mereka untuk memohon sijil kewarganegara-

an dan oleh yang demikian Jabatan yang berkenaan patutlah menolong menentukan bahawa kesilapan dan keganjilan-keganjilan di dalam surat beranak itu tidak menghalang permohonan kerakyatan mereka itu.

Tuan Pengerusi, mengenai permohonan pendaftaran lewat beranak untuk mendapatkan sijil beranak mereka, inipun adalah satu hal yang sangat penting juga. Pejabat Pendaftaran Negara patutlah mengambil sikap yang lebih liberal dan melonggarkan dalam menguruskan permohonan ini. Sekiranya Jabatan ini mengambil sikap yang ketat, ini akan menimbulkan kesusahan kepada mereka untuk membetulkan sijil beranak mereka sekiranya terdapat butir-butir yang salah atau silap di dalamnya. Kebanyakan pemohon-pemohon ini telah dilahirkan semasa penjajahan Jepun dan mereka telah hilang surat-surat beranak mereka dan tidak dapat dicari sungguhpun mereka ada mencuba. Mereka telah pergi ke pejabat yang berkenaan untuk membuat salinan tetapi malangnya mereka tidak dapat mencari sijil beranak, dan oleh sebab ini mereka mungkin akan menghadapi banyak kesusahan. Dengan ini saya berharaplah sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa Jabatan yang berkenaan akan bersikap liberal dan longgar supaya boleh membantu orang-orang yang berkenaan supaya mereka berjaya dalam permohonan mereka untuk mendapatkan sijil beranak yang baru melalui cara daftar lewat sijil beranak.

Selain daripada itu saya ingin merujuk sedikit kepada perkara Aktiviti (2) — Pendaftaran Kad Pengenalan. Bersabit dengan pendaftaran kad pengenalan ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kepada kesusahan yang dihadapi juga oleh pemegang kad pengenalan berwarna cokelat yang ingin memohon untuk menukar kepada kad pengenalan biru. Apa yang saya mengetahui ramai pemegang kad pengenalan cokelat tidak berjaya mengembalikan kad-kad pengenalan mereka kepada kad-kad pengenalan biru,

sungguhpun mereka tidak lagi mengganggu atau tidak dianggap sebagai orang-orang yang akan mengancam keselamatan di negara ini. Saya harap bahawa sekiranya Kementerian yang berkenaan dapat diconvincekan bahawa orang yang berkenaan tidak lagi dianggap mengancam keselamatan di negara ini, maka adalah patut dan adil supaya mereka diberi satu peluang untuk menukar kad pengenalan coklat mereka kepada kad pengenalan yang biru.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala B. 40 — Polis Di Raja Malaysia, Aktiviti (1) — Pentadbiran Rancangan. Di atas hal ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh badan-badan kebudayaan bangsa Tionghua dan juga badan-badan seni mempertahankan diri apabila mereka menyampaikan permohonan mereka kepada pihak Polis untuk mendapatkan permit atau lesen-lesen untuk melatih tarian singa. Saya telah menerima aduan iaitu bahawa masa yang diambil untuk meluluskan satu permohonan

adalah amat panjang dan kadang-kadang sungguhpun peringatan ada dihantarkan kepada pihak Polis tetapi mereka tidak mendapat apa-apa jawapan. Atas hal ini saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyiasat kes-kes ini dan juga saya berharap bahawa kerjasama dapat diberikan oleh pihak Polis kepada badan-badan yang tersebut supaya mereka berpeluang mendapat lesen-lesen atau permit-permit dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Bangun.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Mukah boleh bercakap di lain masa.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 13.12.1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.